



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HAJI MD ZAIN BIN HAJI SALEH
SETIAUSAHA MASJID SULTAN YAHYA PETRA, MACHANG, KELANTAN

OLEH:

MUHAMAD BADRUL AMIN BIN CHE HUSIN	2017275806
MUHAMMAD FAHMI BIN MOHD ADZMI	2017275814

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2018 – JAN 2019)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HAJI MD ZAIN BIN HAJI SALEH
SETIAUSAHA MASJID SULTAN YAHYA PETRA, MACHANG, KELANTAN

OLEH:

MUHAMAD BADRUL AMIN BIN CHE HUSIN	2017275806
MUHAMMAD FAHMI BIN MOHD ADZMI	2017275814

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2018 – JAN 2019)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Salam penghargaan kami hулurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyelesaikan tugasа IMR 604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) kami ini. Assalamualaikum w.b.t diucapkan.

Kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah IMR 604 di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan dorongan beliau di dalam menyelesaikan tugasа ini. Tanpa bantuan dan maklumat daripada beliau, kami mungkin tidak dapat menyelesaikan tugasа ini dengan jayanya.

Di samping itu, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Haji Md Zain Bin Haji Saleh sebagai tokoh yang kami temubual bagi berkongsi pengetahuan beliau tentang sejarah dan latar belakang Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang tidak putus-putus memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk menyiapkan transkrip ini. Kami amat menghargainya dan kami akan menjadikannya sebagai perangsang untuk menyiapkan transkrip ini dengan bersungguh-sungguh.

Seterusnya, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak sepanjang menjayakan tugasа ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara Haji Md Zain Bin Haji Saleh dan Muhamad Badrul Amin Bin Che Husin dan bersama Muhammad Fahmi Bin Mohd Adzmi. Temu bual ini mengisahkan tentang ilmu pengetahuan beliau tentang sejarah dan latar belakang Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan. Tokoh merupakan Setiausaha Masjid Sultan Yahya Petra yang telah berkhidmat secara sukarela selama tiga belas tahun. Masjid Sultan Yahya Petra mempunyai pelbagai sejarah dan latar belakang yang menarik yang tidak diketahui oleh pihak umum. Masjid Sultan Yahya Petra merupakan masjid kepala jajahan iaitu masjid induk, di bawahnya terdapat empat puluh dua masjid kecil yang ditadbir oleh Masjid Sultan Yahya Petra. Melalui temu bual ini, ia dapat membuka mata pihak umum tentang kepentingan sejarah dan latar belakang Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan.*

Kata kunci: *Masjid, Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan, Sejarah Bangunan, Masjid Kepala Jajahan.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Seksyen A: Latar Belakang Tokoh.....	01
Seksyen B: Sejarah Pendidikan Tokoh.....	04
Seksyen C: Kerjaya Terkini Tokoh.....	07
Seksyen D: Sejarah Bangunan.....	11
Seksyen E: Maklumat Lain Mengenai Bangunan.....	22
Seksyen F: Reka Bentuk Bangunan.....	34
Seksyen G: Aktiviti dan Perkhidmatan.....	37
Seksyen H: Maklumat Penganugerahan dan Kerjaya.....	43
Seksyen I: Pesanan dan Harapan.....	46
Lampiran	
Log Wawancara.....	67
Senarai soalan.....	80
Surat Perjanjian.....	86
Lampiran.....	88
Indeks.....	92

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA	HAJI MD ZAIN BIN HAJI SALEH
PEKERJAAN	SETIAUSAHA MASJID SULTAN YAHYA PETRA, MACHANG, KELANTAN
TEMPAT LAHIR	KAMPUNG TERANG SERING, KOTA BHARU, KELANTAN
TARIKH LAHIR	21 FEBUARI 1949
ADIK-BERADIK	ANAK KEENAM DARIPADA LAPAN ORANG ADIK-BERADIK
NAMA AYAH	HAJI SALEH BIN HAJI IBRAHIM
NAMA IBU	SITI AMINAH BINTI DRAHMAN
PENDIDIKAN	<ol style="list-style-type: none">1. SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN MENTUAN, KOTA BHARU, KELANTAN2. SEKOLAH MENENGAH MAKTAB SULTAN ISMAIL, KOTA BHARU, KELANTAN3. MAKTAB KADIR ADABI, KOTA BHARU, KELANTAN4. UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

PENGENALAN

PENGENALAN

Dokumentasi sejarah lisan merupakan satu subjek yang mementingkan pemeliharaan sejarah yang tidak dapat direkodkan sebelum ini, dan juga sebagai memori kepada peristiwa yang telah dijadikan sesuatu bukti sejarah. Di samping itu, sejarah lisan juga membantu memperkayakan sumber-sumber sejarah dan sebagai bahan pendidikan kepada generasi sekarang dan generasi akan datang.

Sejarah lisan yang direkodkan ini sangat berguna kepada persatuan-persatuan sejarah lisan di negara kita bagi memudahkan maklumat diperolehi melalui wawancara yang dijalankan. Kecekapan dan kebijaksanaan penemubual akan membantu tokoh yang diwawancara untuk memberi maklumat secara tepat dan terperinci tentang sesuatu soalan yang diajukan oleh penemuramah.

Sejarah lisan yang direkodkan ini merupakan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada setiausaha masjid yang mempunyai pengalaman dan ilmu pengetahuan mengenai sejarah dan latar belakang Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan. Pengalaman dan ilmu pengetahuan beliau dan sejarah tentang Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan mempunyai nilai sejarah yang amat berguna di masa akan datang. Sehingga kini, kepentingan sejarah lisan telah dibuktikan dapat memberi nilai kebolehpercayaan dan ketetapan yang tinggi penggunaannya kepada masyarakat zaman sekarang. Di samping itu, melalui dokumentasi ini ia dapat memberi kesedaran tentang kepentingan pembelajaran sejarah dan politik oleh rakyat Malaysia khususnya anak-anak muda demi kelangsungan sebuah negara bangsa yang aman damai, maju dan makmur.

Hasil wawancara bersama Tuan Haji Md Zain Bin Haji Saleh, beliau telah banyak memberi maklumat tentang sejarah dan latar belakang Masjid Sultan Yahya Petra, sejarah bangunan, reka bentuk dan seni bina, dan pencapaian masjid supaya dapat terus diketahui oleh generasi sekarang dan mahupun akan datang.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut merupakan temu bual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Muhamad Badrul Amin Bin Che Husin dan Muhamamd Fahmi Bin Mohd Adzmi bersama Haji Md Zain Bin Haji Saleh mengenai pengetahuan beliau tentang sejarah Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan.

Tujuan temu bual ini dilaksanakan bagi tujuan untuk memenuhi keperluan akademik bagi subjek IMR 604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan). Selain itu, temu bual ini bermatlamat untuk mengenal pasti latar belakang masjid tersebut. Hasil daripada temu bual ini bakal dibukukan, dirizabkan dan dipamerkan di Bilik Sumber UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang supaya dapat menjadi bahan rujukan untuk generasi akan datang. Temu bual ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian pengenalan & pendidikan, pengalaman, kejayaan dan nasihat/ harapan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

HMZ: Haji Md Zain
MF: Muhammad Fahmi
MB: Muhamad Badrul

SEKSYEN A: LATAR BELAKANG TOKOH

MF : Soalan pertama, boleh saya tahu nama penuh tuan?

HMZ : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh saudara-saudara yang buat temu ramah. Nama saya ialah Haji Md Zain Bin Haji Salleh.

MF : Soalan seterusnya, adakah tuan mempunyai nama gelaran? Jika ada apakah nama tersebut?

HMZ : Nama gelarannya takde [tiada] tapi orang panggil Haji- Haji Md Zain atau pun Cikgu Zain. Biasa panggil Cikgu Zain. Dato-dato takde [tiada] apa takde [tiada] cuma baru ni [ini] pun cadangan oleh ketua jajahan untuk dapat pingat daripada bawah Duli tapi setakat ni takde [ini tiada] surat apa-apa itu maknanya sama ada terima dok [tidak] Wallahu A'lam. Pihak-pihak jabatan jajahan mengambil nama untuk cadangan untuk terima pingat jadi itu terpulang kepada dia sama ada itu sebagai- sebagai untuk mengenangkan jasa lah barangkali- boleh dok tu [tidak itu] Wallahu A'lam itu atas-atas sana.

MF : Soalan Seterusnya, di manakah tempat tuan dilahirkan?

HMZ : Saya dilahirkan di sebuah kampung kecil di Kampung Terang Sering, Kota Bharu, Kelantan iaitu tujuh- kira-kira tujuh kilometer daripada bandar Kota Bharu.

MF : Okay [Baiklah]. Pada bulan berapa tuan dilahirkan?

HMZ : 21 Febuari 1949.

MF : Di manakah tuan dibesarkan?

HMZ : Dibesarkan di kampung tersebut, di Kampung Terang Sering, Kota Bharu,

Kelantan.

MF : Di manakah tuan menetap sekarang?

HMZ : Saya menetap sekarang ialah di Rumah A445 Jalan Haji Abdul Rahman,
Machang, Kelantan.

MF : Seterusnya, apakah nama ibu tuan?

HMZ : Nama ibu saya ialah Siti Aminah Binti Drahman.

MF : Apa pula nama bapa tuan?

HMZ : Nama bapa saya ialah Haji Salleh Bin Haji Ibrahim.

MF : Berapakah bilangan adik-beradik tuan?

HMZ : Adik-beradik saya ialah lapan orang.

MF : Tuan anak ke berapa?

HMZ : Anak yang keenam dalam keluarga.

TAMAT SEKSYEN A

SEKSYEN B: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

MF : Soalan pertama dimanakah tuan bersekolah rendah dulu?

HMZ : Sekolah rendah saya di Sekolah Rendah Kebangsaan Mentuan, Kota Bharu, Kelantan kira-kira enam kilometer daripada bandar Kota Bharu.

MF : Pada tahun berapakah tuan tamat sekolah rendah?

HMZ : Tamat sekolah rendah pada tahun 1956.

MF : Okay [Baiklah]. Dimanakah tuan bersekolah menengah?

HMZ : Dan kemudiannya saya menyambung ke Sekolah Menengah Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan atau Sultan SIC daripada tingkat satu hingga tingkatan lima, kemudiannya saya menyambungkan pelajaran tingkatan enam saya ke Sekolah Menengah Maktab Kadir Adabi, Kota Bharu, Kelantan kerana pada masa itu yang layak naik tingkatan enam ialah gred satu, gred dua kebetulannya saya tidak bernasib baik dapat gred tiga dan saya memilih sekolah swasta iaitu Maktab Kadir Adabi, Kota Bharu, Kelantan untuk menyambung tingkatan enam- dan selepas tamat tingkatan enam situ, saya melanjutkan terus ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang sastera dan mendapat Ijazah Sarjana Muda bersama dengan diploma pendidikan- dan saya kemudiannya saya semasa dalam pengajian lagi ditawarkan untuk menjadi pegawai belia, saya pilih untuk tak [tidak] mahu pegawai belia kerana saya fikir saya tidak mahu tinggal di Kuala Lumpur. dan lagi pun saya masa itu kalau

duduk Kuala Lumpur, saya berjauhan dengan bapa saya dan juga adik-adik saya masih lagi memerlukan bimbingan, jadi saya memilih sebagai kerjaya saya sebagai guru- dan saya pada masa itu ditempatkan penempatan di Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh, Pahang selama lima tahun, saya mohon tukar balik dan Alhamdulillah [Syukur ke Hadrat Ilahi] dapat di Machang ini, Sekolah Menengah Hamzah Machang, Kelantan- dekat bandar ini lah dan saya ditugaskan mengajar tingkatan enam dalam bidang Pengaji Am dan Bahasa Malaysia dan selama lapan tahun di tingkatan enam, mengajar tingkatan di SMK- di Sekolah Menengah Hamzah ini, saya ditukar pula ke Sekolah Kebangsaan Machang, Kelantan dekat balai polis itu semata-mata untuk membuka tingkatan enam mewujudkan cawangan barulah dimana pejabat arah saya menubuhkan tingkatan enam di SMK Machang, Kelantan dekat balai polis itu. Apabila mantap molek pentadbiran tingkatan enam itu, saya ditukarkan ke Sekolah Menengah Pangkal Meleret, Machang, Kelantan untuk jawatan PK KOR [Penolong Kanan Kokurikulum], kemudian setahun pegang jawatan PK KOR [Penolong Kanan Kokurikulum], saya ditugas berbalik ke Hamzah [Sekolah Menengah Hamzah] balik untuk kali kedua memegang jawatan sebagai PK HEM [Penolong Kanan Hal Ehwal Murid] untuk jaga sekolah kerana katanya orang yang biasa dengan sekolah, yang lama tu takde [tiada] jadi antara itu pejabat tarik saya balik ke Hamzah [Sekolah Menengah Hamzah] sehinggalah saya pencen di Sekolah Menengah Hamzah pada tahun 2005. Dan selepas pencen itu lah saya diberi tugas untuk memegang jawatan PIBG

[Persatuan Ibu Bapa dan Guru]- PIBG Sekolah Menengah Hamzah selama tiga tahun dan disitu juga masjid menawarkan saya sebagai SU [Setiausaha] masjidlah dan saya lepas jawatan PIBG Sekolah Menengah Hamzah dan saya pegang untuk sepenuh masa untuk menjadi SU Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan ini lah.

TAMAT SEKSYEN B

SEKSYEN C: KERJAYA TERKINI TOKOH

MF : Soalan seterusnya, apakah pekerjaan tuan pada masa kini?

HMZ : Buat masa ini saya pencen, pencen bersara guru lah, cuma sambilan itu sebagai di masjid ini ialah dulunya setelah masjid ini mendapat gelaran masjid terbaik peringkat Malaysia, jawatan saya ditukar pada 2014 ditukar kepada imarah untuk mengimarahkan lagi masjid ini. Alhamdulillah [Syukur ke Hadrat Ilahi] dua tahun saya pegang penjana imarah dan jadual imarah berjalan molek semua sekali, elok. Alhamdulillah [Syukur ke Hadrat Ilahi] kita ada kuliah pagi ada, petang ada, malam ada. Peringkat kuliah kita ini ialah bermula kalau hari jumaat, ada kuliah pagi jumaat, kuliah dhuha pukul 9.30 pagi, kuliah sebelum jumaat 12.30 tengah hari sampai hari jumaat lah, dan kemudiannya malamnya adalah kuliah maghrib- Kuliah maghrib ini dikatakan tiap-tiap malam ada. Itu dari segi kuliah lah.

MF : Kita ke soalan seterusnya. dimanakah tuan bekerja sekarang?

HMZ : : sekarang ni [ini], takde [tiada] kerja lah. Pencen, pencen tu saya duduk dirumahlah kadang-kadang saya gi [pergi] tengok sebagai kegiatan berkhelah tu [itu] saya pergi tengok kebun-kebun. Saya mengendalikan kebun arwah ayah sayalah. Jadi gi tengok orang potong getah apa ni tu [apa ini itu] lah. Pastu [Selepas itu] saya sendiri pun ada jugaklah maknanya kadang-kadang saya gi [pergi] upah orang menebas, meracun, tengok orang menoreh itulah rutin saya. Dan kemudiannya menjelang zohor saya datang ke masjidlah sembahyang di

masjid, lepas itu saya pergi ambil cucu, cucu saya ada sekarang ini ada sembilan belas orang cucu. hasil daripada enam orang anak tu [itu] semua dah beranak, jadi cucu yang dekat dengan saya itu ada dua anak lah, anak yang pertama dengan yang ketiga, sebelah rumah saya tu [itu]. Jadi oleh kerana mak dan ayah semua bekerja, jadi saya terpaksa berkorbankan masa saya mengambil cucu di sekolah bawa balik ke rumah saya sehinggalah mak dia balik daripada bertugas menjadi guru dalam pukul tiga lebih barulah dia ambil balik ke rumah dia. Tu [itu] lah rutin sayanya. lepastu [selepas itu] asar maghi [datang] masjid, malam terus ke masjid.

MF : Kiranya sampai ke malamlah duduk masjid?

HMZ : Ya lah. Pada masa itu lah sampai isyaklah- selepas isyak baliklah.

MF : Okay [Baiklah], kita ke soalan seterusnya, adakah tuan berasa gembira berada di masjid ini?

HMZ : Alhamdulillah [Syukur ke Hadrat Ilahi], saya amat gembiralah kerana inilah sumbangan dan amal jariah yang dapat saya kira dapat saya sumbangkan untuk masjid dan untuk Allah lah kerana masjid ini rumah Allah jadi kita mengharapkan keredhaan Allah semoga Allah membalas dengan ganjaran yang baiklah daripada Allah. Itulah sumbangannya. Dan saya memang berkorban untuk masjidlah kerja-kerja gitu [begitu] untuk masjid untuk melihat masjid ini bertambah- bertambah imarahnya, bertambah jemaahnya dan juga pembangunan

masjid. jadi kita mengharapkan maknanya dari masa ke semasa kita sentiasa memikirkan buah fikiran macam mana untuk membangunkan lagi masjid ini, mengimarahkan masjid ini dan membanyakkan lagi aktiviti-aktiviti masjid.

MF : Okay [Baiklah], soalan seterusnya, bagaimanakah tuan boleh terlibat dengan Masjid Sultan Yahya Petra?

HMZ : Boleh terlibat ini apabila saya dilantik jawatan SU [Setiausaha] masjidlah. Jadi apabila situ, saya mengorbankan masa saya, kadang-kadang buah fikiran saya untuk berkhidmatlah pada masjid tanpa ada bayaran apa-apa, suka rela.

MF : Soalan seterusnya, berapa lamakah tuan sudah berkhidmat di tempat kerja tuan?

HMZ : Sebagai guru, saya bertugas selama dua puluh lapan tahun dan bertugas di masjid ialah selama tiga belas tahun.

MF : Okay [Baiklah]. Seterusnya, bagaimanakah tuan boleh mendapat jawatan setiausaha?

HMZ : Jawatan setiausaha ini dicadangkan oleh pihak imam dan dia angkat nama saya kepada Majlis Agama Islam Kelantan, MAIK lah. Pastu [Selepas itu] MAIK buat surat pelantikan sebagai jawatan setiausaha. Jadi jawatan ini ialah di--- masa sekarang ini MAIK lah yang menentukan, cuma pihak masjid ini macam imam mencadangkan nama-nama dan kemudian dikeluarkan surat pelantikan

daripada pihak MAIK sendirilah melalui ketua jajahan.

MF : Seterusnya, siapakah idola tuan?

HMZ : Idola saya ini ialah Tuan Guru [Tok Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat] lah kerana saya diperingkat ni [ini] saya suka kepada alim ulama lah kata kita tiada ilmu dalam bidang pengetahuan agama ini dan bila dunia ni [ini] Alhamdulillah [Syukur ke Hadrat Ilahi] memang setakat kita mampu. tapi sekarang ni [ini] saya masih lagi menambahkan jadi saya sentiasa berdamping dengan arwah Tok Guru [Tok Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat] dan Tok Guru Haji Nik Aziz lah yang memberi sumbangan pada saya, dia panggil derma biasiswa untuk saya melanjutkan pelajaran ke universiti. Sejak situ saya tertarik dengan dia kerana mak bapa saya ni [ini] ialah petani, anak lapan, mensara anak jadi terpaksa mohon bantuan untuk masuk pembayaran ke universiti tu [itu] dia bagi dalam tiga ribu- RM3000 [tiga ribu ringgit malaysia] untuk ke universitilah, dapatlah kita membayar apa orang panggil, wang pendahuluan masuk ke universiti dan kemudiannya saya mohon biasiswa daripada persekutuanlah, derma siswa. Tu [itu] lah yang dapat menampung saya ___.

MF : Jadi tuan ada kaitan apa-apa dengan Tok Guru Nik Aziz?

HMZ : Kaitan itu tidak ada, cuma kampung dia dan kampung saya tu [itu] ialah berdekatan. Sebelah menyebelah lah jadi maknanya jiran sekampunglah ha tu.

TAMAT SEKSYEN C

SEKSYEN D: SEJARAH BANGUNAN

MF : Soalan pertama, mengapakah masjid ini ditubuhkan?

HMZ : Masjid ini ditubuhkan semata-mata adalah untuk membolehkan masyarakat setempat berjemaah menunaikan fardhu yang dikatakan Allah lah maknanya sembahyang lima waktu, sembahyang jumaat. Masjid ini merupakan sebuah masjid kepala jajahan. Mengapa dikatakan masjid ini kepala jajahan? Pasal dibawah masjid kita ni [ini] ada empat puluh dua masjid mukim, maknanya penjana masjid mukim ini dimantakan oleh imam Masjid Sultan Yahya Petra lah tentang perjalanannya, apa programnya dan seandainya masjid mukim itu buat program tak [tidak] cukup perbelanjaan, kita akan tolong dan imam-imam masjid ini kita kumpulkan dua kali seminggu untuk memberi kefahaman ataupun soal jawab agama kepada imam-imam mukim ini. Kita panggil tafaqquh fiddin [pemahaman agama], kita panggil seorang alim ulama daripada Besut iaitu Ustaz Muhamad Zain. Dia ni [ini] salah seorang daripada ahli Majlis Fatwa Kerajaan Terengganu dan dia ni [ini] alim dalam bab mazhab. Jadi tujuan kita panggil dia ialah supaya imam-imam mukim ini apa-apa masalah dari segi hukumnya, dari segi apa-apa yang tak [tidak] tahu boleh tanya dia. Jadi dua minggu sekali tu [itu] dia akan datang sini. Tapi sekarang ni [ini] kita berhenti dah[sudah] pasal dia kena strok- tak dapat mengajar kita, tangguh sementara. Dia tak [tidak] boleh cakap apa, saya pergi melawat dia minggu lepas dia tak [tidak]- kuliah dia tak [tidak] boleh teruskan lagi lah. Dia tak [tidak] berapa sihat, jadi kita tergendala lah buat setakat ni [ini], ha tu dari imam mukim. Jadi,

nama Masjid Sultan Yahya Petra ini ialah diambil sempena dengan Sultan Kelantan iaitu Sultan Yahya Petra pada masa itu. Masjid ini dibina pada tahun 1920 dengan binaan kayu. Binaan kayu ni [ini] dak [tidak] di sini ni [ini] masjid ni [ini]- di Jalan Tanah Merah, dekat bomba tu [itu], ha situ. Ia dinamakan masjid kayu pasal binaannya daripada kayu. Nama asal masjid ini adalah dinamakan Masjid Kayu. Itulah asalnya.

MF : Okay [Baiklah], kita ke soalan seterusnya. Di manakah lokasi sebenar masjid ini?

HMZ : Lokasi sebenar dulunya ialah di Kampung Pagar Canggung, Bandar Lama Machang, iaitu di Jalan Tanah Merah.

MF : Seterusnya, apakah yang dimaksudkan dengan masjid kepala jajahan?

HMZ : Maksud masjid ini sebagai kepala jajahan, Masjid- Sultan Yahya Petra ini dibawah masjid ini terdapat dua puluh- empat puluh tiga masjid mukim, di mana masjid mukim ni [ini] diawasi oleh imam kita sini lah. Dan sekiranya masjid mukim ini tidak ada imam untuk baca khutbah katalah imam tu [itu] uzur, maka dia telefon atau tulis surat ke mintak [minta] kita mengisi kuliah- khutbah jumaat dan mengimami hari jumaat. Dan kita akan hantar lah imam-imam kita atau bilal ke untuk pergi bertugas di mana-mana masjid mukim yang *emergency* [kecemasan] tidak ada imam. Mungkin dia sakit ke mana-mana kita akan ganti. Tu [itu] lah dikatakan masjid ketua jajahan ni [ini].

MF : Okay [Baiklah], kita ke soalan seterusnya, siapakah yang memberi gelaran tersebut?

HMZ : Yang memberi gelaran ini ialah ketua jajahan lah, ketua jajahan ni [ini] atau *DO [District Officer]* ni [ini] sebagai pengerusi masjid ini yang dilantik oleh MAIK, Majlis Agama Islam melantikkan *DO [District Officer]* ataupun yang sebagai pengerusi masjid- semua masjid lah- masjid machang ni [ini] termasuklah bawah dialah. Semua masjid ini diawasi oleh ketua jajahan sebagai orang yang bertanggungjawab dan dialah yang menamakan Masjid Machang ini sebagai masjid kepala jajahan.

MF : Sekali lagi pasal masjid kayu, mengapakah zaman dulu masjid ini dikenali sebagai masjid kayu?

HMZ : Pada masa tu [itu], tahun 1920-an dahulu tidak ada lagi simen-simen konkrit, semua bangunan kayu semua- atau pejabat pentadbir pun pada masa itu kayu. Tidak ada simen-simen tak [tidak] ada. Jadi itu yang dinamakan masjid kayu sebabnya dibuat dengan kayu sepenuhnya. Tangga pun kayu, semua kayu.

MF : Seterusnya, siapakah yang menyempurnakan peletakan batu asas bagi tapak masjid baru?

HMZ : Yang meletakkan batu asas di masjid baru ini ialah Yang Berhormat Tun Abdul Razak Bin Hussien iaitu pada masa itu dia sebagai Timbalan Perdana Menteri

Malaysia merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 26 Zulhijjah bersamaan dengan 25 Febuari 1968.

MF : Okay, seterusnya, pada tahun berapakah masjid ini berpindah lokasi?

HMZ : Masjid ini berpindah lokasinya pada 22 Muharam 1989 bersamaan 10 April 1969 dan diberi nama Masjid Sultan Yahya Petra Machang ini.

MF : Seterusnya, berapakah keluasan tapak masjid baru setelah berpindah lokasi?

HMZ : Luas kawasannya ialah dua hektar, dua hektar berukuran dua ratus tujuh puluh kaki persegi dan satu ratus tujuh puluh empat kaki lebar. Dapat menampung jemaahnya dua ribu tiga ratus orang.

MF : Seterusnya, mengapakah berlaku perpindahan lokasi masjid?

HMZ : Berlaku perpindahan lokasi masjid ini kerana masjid ini dulunya di sana sebagai pusat pemerintahan di sana, pusat pentadbiran. Kemudian bila [apabila] pusat pentadbiran jajahan ini berpindah di dewan yang sekarang ini maka masjid ini dikira jauh dari pusat bandar maka di kawasan itu memang tak [tidak] sesuai, perkampungan- sedangkan penduduk ramai di kawasan ini.

MF : Apa jadi dengan masjid lama yang dekat sana?

HMZ : Masjid lama sekarang ini masih ada guna lagi sebagai masjid tidak dibuat

jemaah pasalnya tak muat keperluan --- didirikan untuk sembahyang waktu.

MF : Ada nama masjid yang sebelum ini?

HMZ : Masjid dinamakan Masjid Pagar Canggung, sempena kampung situ, Kampung Pagar Canggung.

MF : Seterusnya, siapakah pengasas pertama bangunan masjid ini?

HMZ : Haji Wan Nik Bin Wan Ismail, imam pertama, dialah yang membina-pengasasnya.

MF : Siapakah yang menjadi imam di masjid ini setelah berlaku pertukaran lokasi?

HMZ : Pertukaran lokasi tahun '69 [1969] --- (selak buku) Haji Mad bin Ismail.

MF : Siapa yang memberi idea untuk penubuhan masjid ini?

HMZ : Penubuhan masjid ini ialah pihak MAIK, Majlis Agama Islam Kelantan. Dia lah yang bertanggungjawabnya.

MF : Siapakah yang merasmikan masjid ini?

HMZ : Yang merasmikan masjid ini ialah Di Bawah Duli Sultan Kelantan, iaitu Sultan Yahya Petra pada masa itu dia sebagai merangkap Sultan Kelantan.

MF : Bilakah bangunan ini dirasmikan?

HMZ : Dirasmikan pada (selak buku) 22 Muharam 1989 bersamaan dengan 10 April 1969.

MF : Okay [Baiklah], bagi nama masjid iaitu Masjid Sultan Yahya Petra, kenapakah nama tersebut dipilih?

HMZ : Nama dipilih ialah sempena dengan sultan yang memerintah Kelantan pada masa itu iaitu Sultan Yahya Petra. Sultan yang memerintah Kelantan pada masa itu.

MF : Okay, mengapa nama Sultan Yahya Petra dipilih sebagai nama masjid?

HMZ : Ini ialah pihak Jawatankuasa MAIK yang memilih kerana nak [hendak] mengambil nama, nama tu [itu] nama sultan sendiri dan kebanyakan di Kelantan ini masjid-masjid jajahan diberi nama mengikut sultan macam Pasir Puteh, Kelantan, Sultan Ibrahim --- semua masjid-masjid jajahan, namanya ialah diberi nama mengikut sultan-sultan yang memerintah.

MF : Berapakah kos penubuhan masjid ini?

HMZ : Ini saya tak [tidak] boleh beri pandangan pasal pada masa itu saya tidak dapat nak [hendak] kesan lagi, sejarah tak [tidak] dapat nak [hendak] kesan berapa kosnya yang diperuntukkan. Kalau tengok kepada bangunan tambahan kawasan zakat itu kita buat dalam RM7800 [tujuh puluh lapan ribu ringgit malaysia]. Jadi

hat ni [yang ini] besar ini mungkin sampai juta, dalam RM3 Juta [tiga juta ringgit malaysia], RM4 Juta [empat juta ringgit malaysia] begitu anggarannya. Pasal itu perkara lama yang tidak boleh ingat dan orang tua-tua dulu [dahulu] pun meninggal dah [sudah] kita tak [tidak] dapat nak [hendak] kesan dah [sudah] kos perbelanjaan tu [itu].

MF : Kita ke soalan seterusnya, apakah objektif awal penubuhan masjid ini?

HMZ : Penubuhannya ialah untuk membolehkan masyarakat menunaikan fardhu sembahyang dan menepati rukun islam supaya mendirikan sembahyang jemaah dan juga hendak menyatukan masyarakat dan di samping itu matlamatnya supaya masyarakat ataupun penduduk-penduduk ada tempat untuk berkumpul dan masjid ini sebagaimana Rasulullah S.A.W. menjadi tempat tumpuan masyarakat. Jadi sebab itu dibinanya untuk menyatupadukan dan membolehkan masyarakat menunaikan fardhu islam iaitu rukun islam yang kelima iaitu sembahyang berjemaah.

MF : Adakah objektif masjid ini berubah setelah bangunan baru ini ada?

HMZ : Memanglah, objektif asal untuk menunaikan sembahyang tapi kita perluaskan-perluaskan peranannya bukan saja [sahaja] sembahyang jemaah maka kita libatkan juga masjid sebagai tempat ilmu- ilmu ni [ini] maknanya kita mengisi masjid ini dengan kuliah-kuliah untuk memberi keilmuan kepada masyarakat. Yang keduanya bukan sahaja masyarakat, kita juga menitikberatkan pengajian

Al-Quran di mana kita ada kelas Al-Quran. Dan buat masa ini saya sendiri lah mengasas kelas tadarus Al-Quran tiap-tiap pagi selepas sembahyang subuh daripada pukul tujuh lebih sehinggalah sampai pukul lapan, pukul sembilan. Di mana dulunya [dahulunya] saya tubuh dalam satu kumpulan. Sekarang ni [ini] kumpulan lelaki ada empat kumpulan, kita pecahkan terlalu ramai lebih kurang dalam sepuluh orang dalam satu kumpulan dan belah perempuan ada empat kumpulan dan sekarang ini hampir tujuh puluh orang ahli jemaah yang kita buat mengaji Al-Quran belajar Al-Quran secara berkumpulan dan setiap hari Selasa kita ada bidang tajwid- tajwid tu [itu] semua ahli-ahli yang mengikuti kelas ini diajar oleh seorang ustaz iaitu Ustaz Jakob dan selang minggu yang kedua kita ada usrah untuk merapatkan lagi ahli jemaah ini dengan membaca Mathurat. Ada lagi tidak lupa juga kepada remaja- remaja ni [ini] kalau peringkat pelajar kita ada motivasi pelajar peringkat Penilaian Sekolah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Kita panggil tokoh-tokoh yang boleh memberi motivasi untuk pelajar-pelajar yang nak [hendak] mengambil peperiksaan. Di samping itu, untuk remaja kita tiap-tiap akhir tahun kita ada kem remaja iaitu daripada sekolah rendah di mana kita isi dengan fardhu ain, kita ada kegiatan melatih mereka dalam bidang Al-Quran, hafazan, memanah, semua itu sekali. Jadi ini tiap-tiap akhir tahun kita buat dalam bulan cuti sekolah.

MF : Saya ingin bertanya, adakah terdapat kos pembayaran yuran untuk setiap

aktiviti yang dijalankan?

HMZ : Setiap aktiviti tu [itu] kita ambil kosnya untuk makan kerana kita sediakan makan kadang kita upah catering [penyediaan makanan] buat makan. Bagi kelas Al-Quran mengaji, kita ambil sepuluh ringgit malaysia satu kepala dan tiap-tiap kita baca usrah, kita jamu makan. Yang keduanya, untuk kelas motivasi kita ambil kos untuk makan juga-- makan dan bayaran penceramah dalam lima puluh ringgit malaysia. Kem remaja pun kita ambil juga iaitu untuk --- lima puluh ringgit bagi sorang selama tiga minggu. Jadi sebagai kos untuk menampung perbelanjaan masjid. Tak [tidak] cukup sebenarnya RM50 [lima puluh ringgit] cuma untuk mengalakkan ibu bapa maghi [datang] dan juga berkhidmat pada masjid maknanya menyumbang pada masjid, itu kita galakkan melatih ibu bapa ni [ini] supaya dia suka menginfakkan pada masjid itu yang kita kenakan yuran tu [itu]. Kadang-kadang ore ni [orang ini] kalau tak [tiada] yuran ni [ini] dia tak [tidak] mahu jadi kita kenakan juga kos sebagai menampung sedikit perbelanjaan makan. Itu sahaja.

MF : Apakah misi dan visi untuk dicapai oleh masjid ini?

HMZ : Visinya menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan dakwah dan ilmu islam di samping mengeratkan silaturrahim di kalangan masyarakat. Tu [itu] visi. Misinya ialah menjadikan mas- masyarakat dan memasyarakatkan masjid --- memasjidkan masyarakat dan memasyarakatkan masjid dengan membimbing dan mentarbiahkan masyarakat agar menjadi orang yang berilmu, beriman,

bertakwa, cintakan masjid, dan mengutamakan solat berjemaah.

MF : Okay, soalan seterusnya, apakah kawasan sebenar di sini sebelum masjid ini ditubuhkan?

HMZ : Kawasan sebenar masjid ini ialah penempatan dan kebun getah. Campurlah dalam kebun getah tu [itu] ada rumah-rumah.

MF : Seterusnya, adakah terdapat bangunan lain selain daripada masjid ini ketika ditubuhkan?

HMZ : Tak ada [Tidak ada] melainkan rumah-rumah penduduk yang dibayar tanah ni [ini] lepas tu [selepas itu] diorang [mereka] pindah.

MF : Okay [Baiklah], seterusnya mengapakah kawasan ini dipilih?

HMZ : Kawasan ini dipilih kerana pertama di pusat bandar. Yang kedua berdekatan dengan pejabat jajahan pada masa itu dekat Econjaya, Machang, Kelantan tu [itu] dekat dia boleh memantau semua sekali dan kaki tangan dia pun boleh maghi [datang] sembahyang jemaah. --- Dan terletak di lokasi yang strategik di jalan Machang ke Pasir Puteh.

MF : Seterusnya, berapakah masa yang diambil untuk menyiapkan masjid ini?

HMZ : Mengambil masa dalam masa setahun- setahun.

MF : Adakah terdapat masalah yang dihadapi ketika menubuhkan masjid ini?

HMZ : Masalahnya ialah dari segi kewangan, masalah kewangan kerana masjid ini sentiasa berkehendakkan kewangan untuk bayar api, air semua tu [itu] kan itu memerlukan kewangan sedangkan maknanya masyarakat pada masa tu [itu] dari segi nak [hendak] infak tu [itu] kurang. La ni [masa ini] baru dia sedar untuk menginfakkan masjid ini perbelanjaan.

MF : Seterusnya, apakah kaitan Sultan Yahya Petra dengan masjid ini selain merasmikannya?

HMZ : Kaitannya sultan ni [ini] sebagai Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Kelantan dan dialah berkuasa dari segi agama di Kelantan ni [ini] sultan lah kuasa agama dan masjid ini ialah salah satu daripada institusi agama jadi dialah yang memainkan peranan. Kadang-kadang dia maghi [datang] melawat juga, maghi [datang] melawat sini. Tahun ni [ini] Tengku --- Agong pun maghi [datang] melawat. Dia tengok perkembangan, selalunya sekali setahun dia maghi [datang]. Kalau tak [tidak] datang pun dia --- raja muda atau pun temenggong maghi [datang] tengok sini sebab itu lah apa-apa berlaku di masjid ini, kita maklum kepada MAIK dan MAIK akan beritahu kepada Ke Bawah Duli lah. Nak [hendak] cat baru ke, nak [hendak] minta peruntukan tambahan ke, tu [itu] lah kaitannya.

TAMAT SEKSYEN D

SEKSYEN E: MAKLUMAT LAIN MENGENAI BANGUNAN

MB : Berapakah bilangan kubah di masjid ini?

HMZ : Bilangan kubahnya ada tiga, satu di dalam masjid, satu di menara itu tiga kubah.

MB : Berapakah keluasan ruangan dalaman masjid ini?

HMZ : Dalaman masjid ini luasnya ialah berukuran 270 [dua ratus tujuh puluh] kaki persegi dan 174 [satu ratus tujuh puluh empat] kaki lebar makna panjangnya 270 [dua ratus tujuh puluh] daripada sini ke sana dan lebarnya ialah 174 [satu ratus tujuh puluh empat] kaki persegi boleh menampung jemaah 2300 [dua ribu tiga ratus] orang.

MB : Berapakah bilangan bilik yang terdapat dalam masjid ini? Sila nyatakan.

HMZ : Bilik yang terdapat di dalam masjid ini ialah ada lima, satunya bilik imam, bilik bilal, bilik mesyuarat, bilik apa [khutub khanah] dan bilik apa ni [ini] kaunter zakat. Dalam masjid ini satu lagi ialah dewan atas dewan kuliah itu ada kelas-kelas lah kelas bahasa arab jadi lima, enam semua. Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, enam enam bilik lah (berfikir) cuma pejabat lah pejabat to kita luar daripada masjid bangunan suku, itu dulunya ialah tandas, kerana tidak ada tempat jadi kita (berfikir) tandas itu ditutup kerana itu dan dijadikan pejabat kalau sekali dengan pejabat tujuh tapi diluar pada bangunan kecil dale [dalam] ha itu terasing sikitlah.

MB : Berapakah kos pembayaran elektrik masjid untuk setiap bulan?

HMZ : Setiap bulan kosnya ialah lebih kurang lima (berfikir) RM6000 [enam ribu ringgit malaysia], RM6000 [enam ribu ringgit malaysia] dia ada perubahanlah kalau banyak kegiatan itu banyak sikitlah dia lebih kurang begitulah RM6000 [enam ribu ringgit malaysia] sebulan.

MB : Soalan seterusnya, berapakah kos pembayaran air masjid ini setiap bulan?

HMZ : Setiap bulan lebih kurang RM3000 [tiga ribu ringgit malaysia], dia ada turun naiklah kadang-kadang kalau hari jumaat itu banyak sikitlah, makna anggarannya lebih kurang RM3000 [tiga ribu ringgit malaysia] keatas. Kita mahu kata *pack* [kekal] tiga ribu tidak tentulah pasalnya bukan air banyak penggunaan.

MB : Adakah terdapat kos-kos yang lain? Jika ada, sila nyatakan.

HMZ : Kos yang lain ialah termasuk bayar gaji kakitangan, kakitangan yang kita ambil yang ambil yang yang masjid ambil kerana yang MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] ambil yang peruntukannya ialah dua orang siak dengan tukang kebun. Jadi memandangkan tak [tidak] cukup hendak jaga ini kita ambil tambahan lima orang lagi pekerja tambahan untuk urusan membersih masjid lima orang tambahan dan kos ini dibayar oleh masjid, dan gajinya mengikut skim kerajaan. Sebulan kita bayar RM950 [sembilan ratus lima puluh ringgit malaysia] seorang dan juga kita ada dua jaga, dua orang jaga untuk jaga ini iaitu start [bermula]

daripada pukul tujuh pagi hingga tujuh pagi esok. Waktu siang ini kakitangan jaga kakitangan dan juga pekerja-pekerja awam yang kita ambil itu memantau keselamatan.

MB : Bolehkah tuan haji nyatakan apakah jenis pekerjaan yang di masjid ini yang dibayar oleh MAIK?

HMZ : Yang dibayar oleh MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] pertama ialah tuan imam, bilal, siak dan pekerja tukang kebun dua orang, yang lain itu masjid tanggung.

MB : Siapakah ahli jawatan tertinggi di masjid ini?

HMZ : Ahli jawatan tertinggi masjid ini ialah (berfikir) ketua jajahan, ketua jajahan sebagai pengerusi di masjid ini. Jadi untuk makluman awak pentadbiran masjid ini ada dua- dua AJK [Ahli Jawatankuasa], satu dia panggil AJK induk, AJK induk ini dipengurusikan oleh ketua jajahan dan ahlinya terdiri daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), polis, Majlis Perbandaran, bomba, Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), dan wakil masjid. Jadi AJK induk ini membuat dasar, dasar apa yang kita hendak buat di masjid ini, maknanya mahu tambah bangunan, mengecat semua diputuskan oleh AJK induk dan bawa kepada masjid ini kita ada pula AJK kerja, AJK kerja ini dipengerusi oleh imam dan AJK, kita ada AJK ada tujuh AJK-AJK masjid ini bahagian keselamatan bahagian keceriaan semua sekali itu kita mensyuarat hendak melaksanakan, dia dua hala kadang-

kadang daripada AJK kerja ini kita cadang pada AJK induk untuk sesuatu untuk tambahan ke gapo [apa] kadang-kadang daripada itu ini apa ni [ini] dia panggil twist [pintal] sama ada cadangan daripada sana ataupun yang sana maghi [datang] sini. Ha jadi tidak timbul siapalah kuasa itu maknanya yang memutusnya ialah ketua jajahan sebagai wakil daripada MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan].

MB : Mengapakah beliau dilantik sebagai ahli jawatankuasa tertinggi?

HMZ : Ini ialah disebabkan majlis agama Islam melantik *DO [District Officer]* sebagai ketua jajahan dan dia bertanggungjawab semua pembangunan, semua pentadbiran daerah ini pejabat bawah pemantauan dia, ketua jajahan.

MB : Soalan seterusnya, berapa ramai petugas yang bertugas mengendalikan masjid ini?

HMZ : Petugas imam kita ada lima imam, bilal ada dua, siak seorang selepas itu pekerja ada lima, jaga ada dua --- (ketawa).

MB : Soalan seterusnya, adakah setiap orang yang bertugas memiliki tugas yang berlainan?

HMZ : Ya, kalau yang pertama imam kita bagi ikut jadual, jadual bertugas kata harini imam dia bertugas, malam orang lain pula bertugas ikut jadual yang ditentukan oleh imam tua dan pekerja-pekerja itu kita bagi tugas masing-masinglah

contohnya cuci tandas, cuci kawasan belakang dalam masjid itu kita akan bahagi ikut tugas.

MB : Adakah terdapat pertukaran imam pada setiap waktu solat setiap hari?

HMZ : Ya, ada. Ini bergantung pada kadang-kadang jadual itu tidak dapat di isi oleh imam bertugas, ia terpaksa memanggil imam yang kedua ganti. Kadang-kadang tok imam ini ada mesyuarat ataupun dipanggil oleh MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] dan sebagainya, jadi tempat dia itu diambil oleh imam dua, imam tiga atau imam lima terpulang kepada imam sakni [tadi]. Katalah saya bertugas tidak boleh datang, panggil yang lain, kadang-kadang pernah semua imam tidak ada, saya terpaksa mengambil alih mengimamkan supaya kita tidak biar sembahyang tiada imam, maksudnya bukan sokmo [selalu] tapi kadang-kadang menjadi sebagai bilal dan imam, kadang-kadang kita azan, kita jadi tok imam setakat kita mampu bukan untuk bangga diri itu maknanya manusia ni kadang-kadang dia ada halangan tertentu, kadang-kadang sakit, mesyuarat di luar daripada kawasan masjid ini terpaksa lah.

MB : Selain menjadi pusat ibadat, adakah terdapat perkhidmatan lain yang terdapat di masjid ini?

HMZ : Selain daripada pusat ibadat kita ada di masjid ini pusat untuk kursus, kursus umpama kursus pengendalian mayat kita ada kelas-kelas Al-Quran, kelas fardhu ain, koperasi masjid, khairat kematian, pusat pembangunan kemajuan islam

untuk memberi kaunseling kepada ahli jemaah yang menghadapi masalah, umpamanya nikah, kawin, cerai ataupun motivasi kepada masyarakat yang menghadapi masalah apa-apa dan juga selain daripada itu bantuan kecemasan fakir miskin yang memerlukan kewangan, kewangan dan sebagainya maknanya masjid akan ambil tahulah dan kita bayar sekadar yang mampu- Selain daripada itu kita juga adalah tugasnya adalah membesarkan hari-hari kebesaran Islam umpamanya Hari Maulidur Rasul kita anjurkan program, Hari Asyura kita anjurkan program, Hari Afarah kita anjurkan program supaya masyarakat sedar-- pada Bulan Maulidul Rasul jadi kita buat program ini itu--- masyarakat mungkin tidak sedar yang keduanya kita mahu tarik lebih ramai lagi masyarakat datang ke masjid disamping kita bagi makan semua sekali untuk mengimarahkan masjid. Di samping itu, kita kerjasama dengan sekolah-sekolah dan UiTM [Universiti Teknologi Mara], dengan UiTM kita buat kursus kewangan dengan bantuan UiTM pegawai dan semua sekali untuk masjid-masjid mukim, kursus untuk imam, pelajar motivasi, nikah kahwin kita buat disini- dan juga kita buat kursus untuk banduan penjara di Jalan Tanah Merah yang ingin dipulihkan, maka tok imam akan memberi ceramah kepada banduan.

MB : Adakah terdapat fasiliti dan bangunan lain yang terdapat di masjid?

HMZ : Bangunan yang lainya adalah pejabat dengan tandas, tandas dan pejabat itu. Menara masjid, kedai-kedai yang diwujudkan dibawah koperasi masjid dan gunting rambut, kedai jahitan dan peguam syarie- diluar pada masjid bangunan

tambahan untuk kegiatan-kegiatan koperasi masjid- menambahkan tabung masjid.

MB : Adakah masjid ini dimiliki penuh oleh kerajaan negeri atau kepunyaan persendirian?

HMZ : Kerajaan negeri, dibawah MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan].

MB : Berapakah jumlah Jemaah yang boleh dimuatkan dalam masjid ini pada satu masa?

HMZ : Satu masa dulunya 2300 [dua ribu tiga ratus], sekarang ni meningkat 2500 [dua ribu lima ratus] pasal [kerana] kita ada buat penambahan bangunan kaunter zakat disitu boleh muat dan kadang-kadang melebihi terutama hari raya- hari raya ini kita terpaksa hampar [membentang] tikar di bawah dan di depan jadi menjangkau 3000 [tiga ribu] yang musafir dan anak-anak tempatan balik ke Machang pada hari raya terutamanya hari raya puasa itu melebihi pada biasa dan pada biasa hari sembahyang waktu antara lapan sehingga 900 [sembilan ratus] kalau hari jumaat---

MB : Berapa ramai anggaran Jemaah yang datang ke masjid pada setiap waktu solat?

HMZ : Setiap waktu solat dianggarkan antara lapan ratus kadang-kadang sampai enam ratus [600], tujuh ratus lapan ratus tak tentulah tetapi dalam lingkungan itulah---

terpulanglah kalau ada---. Hari itu kuliah kita ada panggil daripada Kuala Lumpur kadang-kadang sampai 1000 [seribu] ada. Macam baru ini kita ada panggil Dato Hassan Din menjangkau 1000 [seribu] orang datang, bergantung pada siapa yang memberi kuliah, kalau orang jauh itu ramai lah kalau orang tempatan biasa orang biasa dengar kurang sikit.

MB : Pada waktu solat manakah bilangan jemaah datang ke masjid paling ramai?

HMZ : Waktu yang paling ramai adalah pada hari jumaat dan hari raya itu mestilah, dan yang kedua ialah pada pagi jumaat dan pagi sabtu pasal [kerana] yang jauh datang itu kita dimasjid ini kita buat sujud sejadah dan semua imam adalah hafiz dan jadi imam yang standard [berkrebiliti] bacaan macam bacaan di Madinah jadi orang tertarik, jadi disitu ramai pada pagi jumaat dan sabtu- kerana ingin mendengar kuliah dan pahala sujud sejadah. Selepas itu, kadang-kadang kalau imam tidak membaca ayat sejadah marah orang "macam mana tok imam tidak baca surah sajadah" (marah) sedangkan itu hanyalah sunat tetapi memandangkan mengambil berat tentang itu sebab itu saya bagitahu imam hari jumaat buat sujud sajadah, siapa yang jadi imam perlu buat sujud sajadah pasal [kerana] rungutan masyarakat bukan jadi bahan wajib tetapi ialah diorang mahu kan pahala sujud sajadah itu.

MB : Pernahkah ada sesiapa mempersoalkan tentang kewujudan masjid ini? Ini

kerana kebanyakan orang tidak tahu sejarah masjid ini.

HMZ : Tidak ada orang yang mempertikaikan masjid ini, cuma masyarakat cina diluar marah kita sebelum sembahyang itu lima minit perdengarkan bacaan Al-Quran mengganggu mereka tidur, itu orang bukan islam lah dahulu tetapi sekarang tidak, kerana apabila kita buat jamuan hari raya akan panggil diorang makan, jadi sekarang ni makna hubungan anantara masyarakat cina dengan ahli masjid ini Alhamdulillah [syukur kepada Allah].

MB : Pernahkah masjid ini mengalami kerosakan yang teruk ketika bencana alam berlaku?

HMZ : Kita disini tidak terkena banjir Alhamdulillah [syukur kepada Allah] malah masjid ini menjadi tempat pengumpulan barang-barang makanan dan pakaian untuk diagih kepada kawasan-kawasan yang terlibat banjir di Machang ini, inilah pusat pengumpulanya. Macam tahun 2014, dijadikan masjid ini pusat orang menghantar barang daripada Kuala Lumpur daripada Pulau Pinang ___ dan kita yang agihnya di kampung-kampung yang mengalami banjir untuk memberikan bantuan.

MB : Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ketika bencana alam berlaku?

HMZ : Jika berlaku bencana alam kita akan kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan termasuklah bomba, polis, penyelamat, askar wataniah, JKR [Jabatan Kerja

Raya] dan semua sekali mengembleng ____.

- MB** : **Siapakah yang menguruskan masjid jika berlaku bencana?**
- HMZ** : Semua AJK [Ahli Jawatankuasa] tok imam, AJK [Ahli Jawatankuasa] induk, jabatan-jabatan kerajaan, masyarakat maknanya kita akan bersatu untuk menghadapi bencana ini.
- MB** : **Pernahkah masjid ini mengalami kerugian yang teruk akibat daripada bencana alam atau lain-lain faktor yang berkaitan?**
- HMZ** : Pada setakat ini sejak ditubuhkan tiada lagi bencana alam teruk tiada, cuma bocor-bocor yang sedikit itu ada lah kita baiki sendiri.
- MB** : **Bagaimanakah pihak masjid menguruskan petugas-petugas di masjid ini bagi menjalankan kerja dengan teratur?**
- HMZ** : Pihak masjid telah mengaturkan jadual kerja khusus tugas imam, tugas kakitangan masjid, tugas siak, tugas tukang sapu semua diberi jadual.
- MB** : **Pernahkan masjid ini dipecah masuk oleh pihak tidak bertanggungjawab seperti pencuri?**
- HMZ** : Dulunya sebelum kita wujud jaga [pengawal keselamatan] itu ada kehilangan tabung masjid, sekarang setakat jaga [pengawal keselamatan] ada dan kita pasang *CCTV [Closed-circuit television]*.

MB : Pernahkah berlaku kes penggelapan wang atau pecah amanah oleh ahli jawatankuasa masjid ini sendiri?

HMZ : Yang diberikan tugas sebagai AJK [Ahli Jawatankuasa] ini adalah orang yang telah dipilih, dipilih orang yang bagus-bagus, orang yang selalu datang berjemaah. Itu maknanya *character* [watak] yang dipercayai ataupun yang beramanah setakat ini tidak ada.

MB : Pernahkah masjid ini berlaku pengubahsuaian atau penambahan bagi ruang solat?

HMZ : Ya ada, iaitu kita tambah kaunter zakat sikit yang menelan belanja RM 78,000 [tujuh puluh lapan ribu ringgit Malaysia] dan kita *tiles* [jubin] kan disini dulu disini ialah beranda jadi kita tambah, memandangkan tiada bilik mensyuarat masjid ini kita jadikan bilik mensyuarat yang asalnya tempat solat.

MB : Apakah ciri-ciri keselamatan yang digunakan dalam masjid ini?

HMZ : Ciri-ciri keselamatan yang digunakan yang pertama ialah *CCTV* [*Closed-circuit television*] yang kedua adalah jaga [pengawal keselamatan] yang ketiga ialah petugas-petugas sentiasa mengawasi daripada pukul lapan sehingga pukul empat petang dan kadang-kadang sampai pukul enam dan Maghrib masih ada disini untuk mengelakkan dan mengawasi perkara-perkara yang berlaku yang tidak diingini.

**MB : Adakah masjid ini mempunyai kelengkapan yang cukup bagi memastikan
keselesaan jemaah?**

HMZ : Setakat ini Alhamdulillah [syukur kepada Allah] yang mana cukup kita ada dengan aircond [penyaman udara], kipas, pembesar suara dan pembesar suara kita adalah diantara yang terbaik, kita habis dalam RM280,000 [dua ratus lapan puluh ribu ringgit malaysia] lebih beli alatan *PA system [Public Address system]* sebab itulah suara kita jelas, orang mari [datang] tengok tiada masalah apa, jadi maknanya barang-barang yang kita beli itu adalah barang-barang yang berjenama yang elok, satu syarikat daripada Kuala Lumpur datang memasang ini.

TAMAT SEKSYEN E

SEKSYEN F: REKA BENTUK BANGUNAN

MB : Adakah konsep masjid ini telah di ubahsuai?

HMZ : Konsep masjid ini telah diubahsuai memanglah diubahsuai mengikut citarasa pihak MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] dan masyarakat, sebab itulah masjid kita ini tidak ada tiang di tengah, kalau pergi masjid lain dia ada tiang susah untuk berjemaah saf tidak betul. Masjid kita ini Alhamdulillah [Syukur ke Hadrat Ilahi] salah satu masjid yang unik tidak ada tiang di tengah-tengah, jadi menyenangkan--- jadi ubah suai itu kalau tidak cukup tempat jemaah itu kita ubah suai, tambah spare[sedia] untuk kecemasan--- sembahyang semasa hari raya kita buat tempat teduhan sebelah itu. Kalau emergency [kecemasan] kita hampar [bentang] tikar di situ, sebab parking [tempat letak kereta] - dan kita cadang kita minta kepada Timbalan Perdana Menteri iaitu peruntukan 2.6 juta untuk yang disebelah perempuan itu kita naik dua tingkat pasal [sebab] hendak menampung jemaah yang tidak muat, kadang-kadang semasa hari jumaat pun tidak muat sampai ke tandas masih ada yang bersembahyang lagi, tetapi di tepi tandas bukan di dalam tandas, tempat ambil air sembahyang itu hampar [bentang] tikar sembahyang. Jadi malangnya apabila Barisan Nasional kalah maka yang itu telah dibekukan oleh kerajaan PH [Pakatan Harapan].

MB : Adakah masjid ini dibina berasaskan batu sahaja?

HMZ : Boleh dikatakan 90% [sembilan puluh peratus], batu cuma kayu pada frame [bingkai] pintu macam itu adalah sedikit-sedikit tetapi asalnya adalah semua

boleh dikatakan 90% [sembilan puluh peratus] adalah simen.

MB : Apakah reka bentuk yang digunakan oleh bangunan masjid ini pada awal penubuhan?

HMZ : Reka bentuknya ialah mengambil contoh masjid-masjid di luar negara macam Mekah, Madinah maknanya ditiru daripada situ dan masjid-masjid yang di peringkat negara dan arkitek pon arkitek melayu yang membuat pelan.

MB : Adakah masjid ini mempunyai rekaan tersendiri?

HMZ : Dari segi untuk selesaikan, menciptakan masjid ini supaya tiada tiang ditengah dan supaya ruang itu luas dan lapang tidak panas- benda ini kita tutupnya sebelum ini terbuka begitu.

MB : Apakah keistimewaan yang terdapat pada masjid ini?

HMZ : Keistimewaannya pertama yang saya katakan tadi masjid ini tidak ada mempunyai tiang di tengah, yang keduanya ahli-ahli jemaah itu maknanya datang dengan pakaian yang smart [kemas] kalau di tengok dan diperhati ramai yang memakai jubah mari [datang] sembahyang- tengok saf depan berjubah jaranglah yang pakai kain pelikat kebanyakannya berjubah sebagai satu tarikan.

MB : Mengapakah ia menjadi keistimewaan di masjid ini?

HMZ : Yang menjadi di masjid ini sentiasa mendapat sambutan program-program

sentiasa mendapat sambutan masyarakat- sembahyang jemaah ke atau program-
program yang kita buat sentiasa disertai masyarakat.

TAMAT SEKSYEN F

SEKSYEN G: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN

MB : Apakah aktiviti yang selalu diadakan di masjid ini?

HMZ : Aktiviti yang selalu diadakan di masjid ini selain daripada amalan sembahyang fardhu, pertama kita ada membuat aktiviti sempena Hari Kebesaran Islam seperti sambutan Maulidur Rasul, majlis asyura, ihya ramadhan- ihya ramadhan itu kita ada pertama ialah berbuka puasa perdana dan sepuluh terakhir kita ada qiamullail dan juga kita ada tadarus tiap-tiap malam bulan puasa selepas terawih itu kita ada tadarus. Selain daripada tadarus kita ada juga ceramah, ceramah-ceramah di bulan puasa dan selain daripada itu kita ada juga aktiviti seperti lawatan, lawatan oleh AJK [Ahli Jawatankuasa] ke mana-mana tempat yang dipilih terutamanya kita pergi ke Medan [Indonesia] , Aceh [Indonesia], Jogjakarta [Indonesia], dan satu lagi tempat di sebelah Jogjakarta [Indonesia]. Selain daripada itu kita juga buat lawatan ke Singapura dan negeri-negeri di semenanjung di Malaysia iaitu yang utama kita pergi ke tempat masjid dan pusat-pusat agama- Masjid Shah Alam, Masjid Jalan Puchong, maknanya masjid-masjid yang indah dan yang mendapat tempat di dalam pertandingan semua kita lawati untuk mengambil iktibar dan meniru apa yang dia buat di sana dan kita bawa balik ke Machang. Selain daripada itu, aktiviti korban tiap-tiap tahun korban kadang-kadang empat ekor, lima ekor lembu korban tiap-tiap tahun dan kita ada juga aktiviti kacau syura untuk dijamu kepada jemaah. Selain daripada itu juga kita ada aktiviti untuk pelajar terutamanya pertandingan azan, iqamat, hafazan, kita mahu supaya ilmu pengetahuan agama ini kalau tidak

menjadi seorang ustaz makna biar ada pengetahuan itu, pengetahuan asas agama terutama fardhu ain, supaya mereka dapat membentuk dan mengajar keluarga mereka nanti. Jadi pentingnya bapa ini memperdalamkan dan memperbanyakkan ilmu boleh dapat di masjid atau dimana-mana dengan harapan dia boleh mengembangkan agama itu kepada anak dia ataupun cucu dan sesiapa sahaja yang perlu kerana kalau kita lihat harini masyarakat dari segi agama ini semakin kurang dan semakin tipis dan semua itu kita ada. Selain daripada itu kita juga ada kelas-kelas bimbingan Al-Quran, ceramah motivasi kepada pelajar untuk semua peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan juga kita ada- iaitu kursus seperti kursus haji, umrah kepada mereka yang ingin pergi buat ibadat haji dan umrah di Mekah itu di antara aktiviti. Selain daripada itu, ziarah mana-mana ahli jemaah kita yang menghadapi masalah kemalangan, sakit dan sebagainya kita pergi dengan AJK [Ahli Jawatankuasa] bersama bawa hamper [cenderamata] dan sebagainya semata untuk menziarah sebagai untuk merapatkan silaturahim. Selain daripada itu kita juga ada sambutan hari raya puasa, kita adakan selepas puasa enam di mana kita buat jamuan memanggil semua ahli jemaah open [terbuka] masjid dan masyarakat bukan islam, masyarakat sekitar ini cina itu di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan setiap tahun di masjid kita ini selain daripada kuliah biasa itu.

MB : Apakah aktiviti wajib yang dilakukan di masjid ini pada setiap tahun?

HMZ : Aktiviti wajib adalah seperti saya katakan tadi, iaitu sembahyang waktu, kuliah, hari-hari kebesaran Islam seperti hari wukuf pada bulan Ramadhan, qiamullail, sembahyang terawih, ibadah korban itu maknanya sempena yang islam buat itu kita akan buat semua di masjid tidak tinggal- dan kita juga ada khatam Al-Quran perdana kita panggil semua para jemaah yang boleh membaca Al-Quran dan situ kita bagi satu juz seorang kita buat pada waktu petang selepas solat zohor sehingga sampai waktu asar, waktu buka puasa dan di situ berhenti tamat untuk buka puasa di situ maknanya kita tamat tiga puluh juz Al-Quran itu kalau ada 100 [seratus] orang maka 100 [seratus] orang lah dan kalau ada enam puluh maka 60 [enam puluh] lah maknanya khatam Al-Quran itu mengikut kemampuan jemaah yang hadir kadang-kadang 200 [dua ratus] orang, 300 [tiga ratus] orang, 500 [lima ratus] orang dan kita diikuti dengan majlis berbuka puasa dan selain daripada sambutan hari raya kita juga ada menerima lawatan daripada luar ni [ini] apabila kita menerima anugerah sebagai masjid tercantik dan terbaik di Malaysia dikatakan hampir semua negeri di Malaysia datang bahkan ada juga lawatan dari negara-negara Asian seperti Brunei, Indonesia yang datang melawat untuk melihat apakah kegiatan yang kita buat dan bagaimana kita uruskan masjid, mentadbirkan masjid ini sehingga kita dianugerahkan masjid terbaik dalam anugerah peringkat kebangsaan, dalam anugerah itu 600 [enam ratus] lebih masjid yang dipilih dan kita terpilih masjid yang terbaik di Malaysia.

MB : Berapakah jumlah sumbangan wang yang paling banyak yang pernah diterima oleh masjid dalam masa sebulan?

HMZ : Dalam masa sebulan hitung panjangnya dalam 5000 [lima ribu] ke 6000 [enam ribu] sebulan tidak tentulah mengikut keadaan, jadi hitung panjangnya di situlah.

MB : Kemanakah hasil wang kutipan sumbangan atau derma disalurkan?

HMZ : Hasil kutipan wang yang di pungut itu kita pertama ialah kita sumbang untuk perbelanjaan pentadbiran masjid ini termasuklah bayaran mereka yang bagi kuliah tiap-tiap malam, tiap waktu ini. Selain daripada itu, kita bayar gaji kakitangan yang kita ambil dan wang itu juga untuk memperbangunkan masjid ini iaitu keindahan yang kita lihat di sekitar masjid ini ada banyak pasu-pasu bunga, kita memperbanyakkan kemudahan-kemudahan dan keceriaan serta pembangunan untuk membeli ganti alat-alat yang rosak seperti paip air, lampu dan sebagainya untuk urusan pembaik pulih yang mana yang rosak. Selain daripada itu, wang ini juga disumbang kepada mereka yang menghadapi bencana dan kecemasan umpamanya musafir yang datang tidak boleh nak balik ataupun untuk perbelanjaan, ditimpa kemalangan dan pelajar-pelajar yang ingin ke universiti ataupun mana-mana pusat pengajian tinggi sama ada dalam negeri atau di luar negara yang memerlukan bantuan daripada kita, kita berikan bantuan itu.

MB : Adakah pelajar yang dipilih untuk mendapat bantuan dari masjid ini adalah terdiri daripada golongan dan kalangan orang Machang?

HMZ : Pelajar yang dipilih untuk bantuan itu tidak semestinya pelajar daripada Machang kadang-kadang daripada Kota Bharu, Pasir Puteh yang itu khususnya termasuk dalam asnaf lapan yang miskin yang terpaksa kita bantu orang miskin yang memerlukan bantuan zakat dan sebagainya dan yang itulah yang utamanya ialah mereka yang kurang mampu terutamanya anak yatim pelajar-pelajar yang tidak ada pendapatan ibu bapa iaitu menoreh getah tidak cukup jadi kita bantulah.

MB : Apakah sumbangan masjid ini kepada masyarakat di Machang?

HMZ : Sumbangan masjid ini kepada masyarakat di Machang sangat besarlah daripada kemudahan-kemudahan yang disediakan umpamanya selain daripada solat lima waktu iaitu pengimarahannya, kuliah-kuliah keilmuan, kursus-kursus dan bantuan-bantuan kecemasan dan apa-apa yang diperlukan umpamanya nikah kahwin, menguruskan soal kematian apabila ada yang meninggal lapor kepada masjid dan kita menguruskan termasuk sembahyang dan mengembumikan kita akan uruskan.

MB : Apakah sumbangan masjid ini kepada negeri Kelantan?

HMZ : Sumbangan masjid ini kepada negeri Kelantan sangat besarlah selain daripada kita menghidupkan masjid ini iaitu kita menaikkan nama negeri Kelantan

sebagai mana yang tercatat pada 2014 kita dianugerahkan masjid terbaik jadi dengan sendirinya Kelantan dapat nama, ada juga masjid yang terbaik di Kelantan ini dan semasa menerima itu bukan sahaja AJK [Ahli Jawatankuasa] kita yang pergi MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] pun pergi sama meraikan kemenangan kita itu *DO [District Officer]* pegawai-pegawai agama, Jabatan Agama Islam Kelantan pergi meraikan di Kuala Lumpur.

MB : Apakah sumbangan masjid ini kepada negara?

HMZ : Pada negara kita menepati kehendak agama iaitu islam sebagai agama kita melaksanakan hukum-hukum agama dan kita merapatkan silaturrahim, perpaduan dikalangan islam dan bukan islam dan kita juga menyahut seruan kerajaan umpamanya pada hari kemerdekaan kita turut sama AJK [Ahli Jawatankuasa] kita ini bersama-sama menyambut kemerdekaan apa-apa dikehendaki oleh negara kita cuba untuk memenuhi umpamanya hari bacaan Al-Quran ataupun hari sukan kita cuba memenuhi kehendak-kehendak yang diarahkan oleh negara yang berhubung dengan masjid umpamanya pertandingan Al-Quran peringkat Machang ini akan dibuat di masjid ini, memilih peserta-peserta untuk mewakili jajahan Machang dan seterusnya ke negeri dan negara. Selain daripada itu, maknanya imam-imam kita pun selalu dipanggil untuk kursus-kurus peringkat pusat.

TAMAT SEKSYEN G

SEKSYEN H: MAKLUMAT PENGANUGERAHAN DAN KERJAYA

MB : **Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap masjid ini?**

HMZ : Apabila dianugerahkan sebagai masjid terbaik, masyarakat amat menyanjung dan memberi kerjasama sepenuhnya pada masjid apa sahaja yang kita buat program dia hadir dan dia beri bantuan samada tenaga, buah pemikiran, wang ringgit dan sebagainya dan malah setakat kita dianugerahkan itu ahli jemaah bertambah ramai dan kita pun memikirkan untuk beri keilmuan kepada jemaah itu dengan memperbanyakkan kuliah-kuliah, kuliah maghrib, dhuha, hari jumaat jadi dengan sendirinya dapat menarik masyarakat di masjid ini.

MB : **Berapa banyak anugerah yang telah diterima oleh masjid ini dan apa anugerah tersebut?**

HMZ : Anugerah yang kita terima ialah wang ringgit iaitu sebanyak RM100,000 [seratus ribu] dan disamping itu kitab-kitab dan buku agama daripada JAKIM [Jabatan Kemajuan Islam Malaysia] dan daripada jabatan-jabatan agama, daripada penerbit Karangraf, bantuan Al-Quran.

MB : **Adakah masjid ini pernah mendapat liputan media massa?**

HMZ : Kita telah didatangi oleh media seperti TV3, TV Al-Hijrah untuk membuat liputan. Disamping itu juga, institusi pendidikan seperti USM [Universiti Sains Malaysia] Kubang Kerian datang untuk menolong masyarakat Machang ini untuk melakukan pemeriksaan kesihatan percuma, periksa darah, rawatan-

rawatan percuma ini boleh dikatakan dua tiga kali setahun dia datang untuk memberi ceramah dan juga memeriksa kesihatan jemaah macam darah tinggi ___ penyakit-penyakit dan apabila dia bagi itu dia nasihat untuk pergi rawatan jumpa doktor dan sebagainya.

MB : Apakah liputan media massa yang pernah diadakan di masjid ini?

HMZ : Liputan media massa yang pernah diadakan umpamanya tentang program imarah, program untuk belia, program untuk pelajar-pelajar iaitu pelajar remaja dan pelajar yang tidak bersekolah untuk belia-belia dan pelajar-pelajar yang bersekolah buat program dan program itu disiarkan dalam TV [Televisyen] iaitu TV Al-Hijrah, TV3.

MB : Mengapakah masjid ini mendapat liputan media massa?

HMZ : Apabila masjid ini terkenal disiarkan sebagai masjid terbaik, mereka datang melihat apa yang kita buat dan mereka akan sebarkan kepada masjid lain dan apa yang kita buat umpamanya dari segi pengurusan, dari segi imam, dari segi imarah, keceriaan, kebersihan itu yang disebarkan, supaya masjid ini dimartabatkan sebagai masjid yang sama dengan masjid kita ini dari segi imarahnya, keceriaannya, kewangan, pentadbiran semua sekali yang meliputi semua aspek yang dipertandingkan itu.

MB : Pernahkan masjid ini menyertai apa-apa pertandingan yang dianjurkan

diperingkat kebangsaan atau antarabangsa, bolehkah Tuan Haji ceritakan?

HMZ : Selain daripada pertandingan peringkat negeri boleh dikatakan setiap tahun, peringkat negeri kita masuk setiap tahun dan dicalonkan di peringkat negeri. Di peringkat kebangsaan kita hanya pada tahun itu diadakan pertandingan masjid terbaik oleh pihak JAKIM [Jabatan Kemajuan Islam Malaysia], selepas kita menang pada tahun 2014 itu tidak ada lagi dibuat kerana faktor kewangan jadi sehingga sekarang ini tidak dibuat pertandingan di peringkat negara. Masalahnya kerajaan katanya ialah masalah kewangan sebab itulah kita masih memegang juara sehingga ke hari ini dan tidak dibuat pertandingan lagi. Sementara peringkat antarabangsa lain iaitu pertandingan musabaqoh [pertandingan bacaan Al-Quran] wakil kita iaitu imam tiga Ustaz Fahami pernah mewakili bukan sahaja Machang, Kelantan malah Malaysia ke peringkat Rusia di Rusia dan dia mendapat johan dua tahun lepas di Rusia, dia tahun lepas mendapat johan di peringkat kebangsaan sebelum itu dia dapat johan peringkat antarabangsa dan tahun lepas juga dijemput untuk pertandingan Quran di Turki malangnya apabila dijemput salah seorang daripada hakim antarabangsa itu kenal dia pernah menjadi johan jadi dengan sendiri dia tidak benar masuk pertandingan itu cuma disuruh baca.

TAMAT SEKSYEN H

SEKSYEN I: PESANAN DAN HARAPAN

MB : Apakah harapan tuan terhadap masjid ini kepada masyarakat di Machang?

HMZ : Harapan saya terhadap masyarakat di Machang ini supaya mereka ini tergolong dalam Muslim yang sejati, iaitu muslim yang mengamalkan hukum Islam yang ke lima dengan pengisian ilmu yang lengkap menjadi seorang muslim yang sempurna. Selain daripada itu, sumbangan kepada program-program masjid iaitu imarah apa-apa sahaja yang kita adakan program mendapat sambutan daripada masyarakat dan saya mengharapkan supaya lebih ramai masyarakat di Machang ini yang belum datang berjemaah datang ke masjid ini untuk berjemaah pada setiap waktu, kalau boleh kita mahu memenuhi semua ruangan di masjid ini, itu harapan kita. Sebab itulah kita sentiasa mempromosikan masjid kita ini dengan mengadakan kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan seperti jabatan pendidikan daerah, pejabat jajahan, majlis daerah, JPAM [Jabatan Pertahanan Awam Malaysia], askar wataniah dan termasuk UiTM [Universiti Teknologi Mara]. Semua jabatan-jabatan kerajaan ini kita ada *colabration* [kerjasama] dan disitulah kita berjaya mengadakan program dan menarik mereka datang ke masjid umpamanya sebagai contoh kita buat bubur asyura baru-baru ini kita AJK [Ahli jawatankuasa] ini tidak payah kerja kacau syura [bubur asyura] dia di kacau oleh pasukan askar wataniah, JPAM [Jabatan Pertahanan Awam Malaysia], rela, bomba, datang ke sini. Jadi kita hanya menguruskan keperluan sehinggalah berjaya bubur itu dimasak dan kita agih selepas sembahyang isyak

kita agih kepada jemaah, itu maknanya satu kerjasama yang baik. Di samping itu juga, harapan saya kerajaan dapat memenuhi kehendak citarasa masjid iaitu kita mahu membesarkan masjid ini kerana sebagai mana yang saya kata kelmarin masjid ini sudah tidak dapat menampung jemaah terutama pada waktu sembahyang jumaat dan sembahyang hari raya melimpah dan sebab itulah baru ini kita dah pecah mukim, satu Masjid Ehsan di Kuala Abu itu dan satu lagi di Sekolah Wataniah di situ kita buat solat jumaat juga pasal [sebab] nak menampung kekurangan tempat di sini, jadi Alhamdulillah [segala puji bagi Allah] dapat menampung, sekarang pun masih lagi tidak cukup lagi kerana di Machang ini pesatnya pembangunan rumah, taman-taman rumah tumbuh macam cendawan, boleh dikatakan sekitar bandar Machang ini terdapat perumahan. Kalau kita tengok di sekitar Institusi Teknologi Mara (ITM) [Sekarang Universiti Teknologi Mara (UiTM)] pun banyak rumah-rumah baru dan di sini pun banyak perumahan yang naik jadi dengan sendirinya masyarakat bukan sahaja Machang datang duduk di sini, menempat dan membeli rumah sebagainya dan mereka ini datang untuk berjemaah di masjid. Jadi harapan yang kedua ialah kita dapat berkerjasama sepenuhnya daripada kerajaan sama ada Kelantan, MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] ataupun kerajaan pusat, apa-apa kita perlu bantuan kita harap dapat dipenuhi oleh mereka yang berkenaan. Selain daripada itu, nasihat saya kepada muda-mudi kita ini kalau kita tengok jemaah ini majoritinya ialah golongan pencen. Ke mana perginya orang muda, orang muda ini kadang-kadang dia maghi [datang] kadang-kadang tidak, itu

maknanya tidak istiqomah [tetap pendirian] kalau orang tua ini dia istiqomah [tetap pendirian] jadi maknanya harapan saya supaya pelajar-pelajar ataupun ramaja yang masih melepak di mana-mana itu bahagian Machang ini supaya datang ke masjid. Walaupun kita buat program, masa program itu dia hadir selepas program itu dia cabut [melarikan diri] kadang-kadang maghi [datang] semasa hari raya sahaja, kita harapkan dijadikan masjid ini istiqomah [tetap pendirian] sebagai tempat mereka sembahyang ataupun tempat mereka mendapat apa-apa maklumat. Selain itu masjid ini sentiasa terbuka dua puluh empat jam kepada jemaah untuk membuat apa-apa program yang boleh mendatangkan manfaat kepada kepada jemaah dan juga kita mengharapkan masyarakat di Machang ini tidak jemu-jemu datang ke masjid sebagai satu tuntutan agama itulah harapannya.

MB : Apakah harapan tuan terhadap masjid ini kepada negeri Kelantan?

HMZ : Harapan kita AJK [Ahli jawatankuasa] masjid kepada Kelantan supaya memberi tumpuan yang lebih dalam apa-apa sahaja peruntukan ataupun perhatian termasuklah kemudahan-kemudahan yang ada di peringkat jabatan agama terutamanya buku-buku, kitab-kitab, Al-Quran bawa ke masjid ini lebih banyak lagi lah, dia sudah sumbang tetapi banyak lagi kita mengharapkan umpamanya bantuan-bantuan kewangan kerana dengan bantuan yang banyak kita dapat membesarkan lagi dan merperbanyakkan lagi kegiatan-kegiatan. Sekarang ini pun di masjid Machang ini selain daripada kegiatan di Masjid Sultan Yahya

Petra ini kita juga membuat kegiatan di masjid mukim, kerana masjid mukim ini diorang sangat daif dari segi kewangan, kadang-kadang kita pergi buat kuliah di sana, kadang-kadang tolong kewangan untuk keceriaan pembangunan masjid mukim. Jadi kita pun terhad juga kewangan ini untuk membantu banyak-banyak tidak ada juga jadi kita harapkan kepada kerajaan negeri supaya memperuntukan lebih banyak kewangan kepada masjid supaya dapat mempertingkatkan lagi imarah masjid keceriaan, kecantikan masjid dan sebagainya.

MB : Apakah harapan tuan terhadap masjid ini kepada negara pada masa akan datang?

HMZ : Harapan saya supaya bantuan yang diluluskan 2.6 juta itu dapat dikembalikan semula untuk kita buat bangunan tambahan dan kita di masjid ini sudah mengambil tanah satu ekar di sebelah itu untuk membuat kompleks masjid. Dalam kompleks masjid ini rancangan kita memerlukan 40 juta untuk membuat tahfiz, asrama, pejabat dan termasuk tandas, tandas yang sedia ada itu kita akan roboh dan akan dibuat di sana dan kita akan jadikan dia sebagai tahfiz untuk sumbangan kepada masyarakat Machang. Sekarang ini kita berikhtiar tanah itu kita jual lot dalam proses kita sudah hantar kepada MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] untuk pecahkan tanah itu kepada kecil-kecil dan belum lagi mendapat kelulusan daripada MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan], kita tunggu itulah dan diangkat kepada MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] surat tidak sampai lagi. Apabila proses itu siap kita akan keluarkan ataupun jual kepada jemaah dan

mana-mana orang atau individu dalam satu lot RM100 [seratus ringgit malaysia] beli dan wakaf untuk mendapat duit, dan duit itu lah kita akan guna untuk membuat Kompleks Masjid Sultan Yahya Petra termasuk tahfiz, kediaman imam, kakitangan.

MB : Adakah tuan berharap agar masjid ini akan dikenali sebagai salah satu ikon dalam kalangan masyarakat?

HMZ : Ya, kita berharap begitulah. Sebabkan sekarang ini pon diantara anak jemaah kita yang menjadi ikon kepada remaja umpamanya Ustaz Abdullah Fahami iaitu bukan sahaja imam, dia ialah belia yang berjaya dalam bidang pengajian Al-Quran sehingga di anugerahkan johan peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Yang keduanya, beberapa orang ahli jemaah kita remaja kita yang menjadi imam muda masuk dalam pertandingan Imam Muda yang dianjurkan oleh TV al-Hijrah dan juga TV3 dan apabila balik ke sini kita beri peluang kepada dia untuk mengadakan kuliah di sini. Jadi kita berharap lebih ramai lagi anak muda kita dalam program-program peringkat kebangsaan dan sebagainya supaya dapat jadi ikon dan ada juga anak jemaah kita yang terkenal dalam bidang nasyid, dalam bidang pengajian, kita mengharapkan begitulah.

MB : Apakah tuan berharap agar masjid ini mendapat pengiktirafan yang lebih banyak lagi pada masa akan datang?

HMZ : Ya, memang kita mengharap begitulah. Maknanya kalau ada pertandingan apa-

apa kita akan sertai, ini terpulanglah kerana kita tidak boleh nak masuk apa-apa pertandingan mesti ada pertandingan barulah kita masuk dan ada pencalonan daripada mana-mana pihak terutamanya pihak kerajaan negeri, Majlis Agama Islam Kelantan dia yang mencalonkan barulah kita ada, kita masuk serta dalam apa-apa sahaja program keagamaan.

MB : Adakah tuan berharap agar pengurusan masjid ini akan terus dipertingkatkan?

HMZ : Ya memang kita sentiasa mempertingkatkan pengurusan pentadbiran dan masjid ini dengan menyediakan kemudahan-kemudahan dan sekarang pun kita kuliah pakai internet, kuliah kita itu boleh dikatakan boleh di tayang di lihat dimana-mana sahaja seluruh dunia- malam-malam itu kita ada internet boleh dilihat kadang-kadang daripada Mekah pun ada Alhamdulillah [segala puji bagi Allah] sampai. Mana sahaja sampai internet ini dia boleh tonton ceramah-ceramah kuliah kita yang berlangsung setiap malam, hari jumaat, waktu dhuha dan mereka yang tidak mampu datang ke masjid terutamanya wanita-wanita yang uzur dia dapat duduk rumah dan dapat dengar ilmu yang diadakan di masjid ini, itu maknanya kita sentiasa mempertingkatkan kemudahan di masjid ini supaya masyarakat sedar dan boleh ikut serta apa-apa sahaja program yang kita jalankan di masjid ini, semua kita masuk dalam internet.

MB : Apakah penambahbaikan yang lain tuan harap dipertingkatkan di masjid

ini?

HMZ : Penambahbaikan yang lain ialah tempat tadi, tempat kemudahan ambil wudhuk yang tidak berapa selesa, keluasan kawasan jemaah, kawasan kita yang sempit ini tidak cukup sudah dengan apabila naiknya kompleks tahfiz ini kita masih kekurangan tempat parking [tempat meletak kenderaan] dalam 200 [dua ratus] lebih buah kereta sahaja, dan apabila begitu maka kita memerlukan tetapi susah untuk kita buat pasal [kerana] kita perlu ambil tanah di sebelah itu kita nak [hendak] ambil dalam tiga ekar tuan tidak bagi, kita diberikan seekor sahaja dan kita sudah berunding dengan pihak jajahan supaya ambil tetapi kata tuannya malas dan tidak mahu ambil secara paksa kecuali dengan tuan itu rela hati nak bagi dengan bayar bukan ambil sahaja. Tetapi dengan kuasa jajahan boleh, tetapi kita masalah tidak mahu timbul perkelahian di kalangan jemaah dengan masjid, jadi kita ambil secara sukarela bukan secara paksa, yang diambil sekar itu adalah secara sukarela nak [hendak] bagi yang lain itu tidak dibenarkan walaupun satu inci tidak dibenar masjid ambil sampai macam itu sekali, sedangkan kita nak buat untuk masyarakat, untuk agama.

MB : **Apakah pesanan tuan kepada orang awam tentang kepentingan masjid ini?**

HMZ : Harapan kita kepada semua masyarakat awam supaya sentiasa menggunakan masjid ini dengan cara yang sebaik mungkin umpama pertama kemudahan supaya tidak dirosakkan dan apa-apa sahaja kemudahan yang kita sediakan jangan dirosakkan dan mendapat sambutan umpamanya kita ada khidmat kedai

jahit, kita ada khidmat kaunseling, kita ada peguam syarie, kita ada khairat kematian untuk menguruskan kematian, kita ada apa-apa sahaja program yang berhubung dengan keagamaan umpamanya tahlil di buat di masjid, kenduri nikah khawin ada banyak di masjid kita harapkan begitulah. Sekarang ini kalau arwah ataupun ziarah yang datang buat sini akan di sini kebanyakan orang Kelantan ini suka buat di rumah dia tapi kalau selain daripada Kelantan buat di masjid, jadi itu budaya orang Kelantan lain daripada budaya di luar daripada Kelantan dia suka jemaah ini ke rumah dia boleh menjamu dengan selesa kalau di masjid ini susah sedikit tapi boleh buat tiada halangan. Sekarang ini maknanya kalau akikah cukur jambul ____ panggil cukur jambul, di sini Allahuakbar [Allah Maha Besar] (berfikir) tahnik anak ini di bawa ke masjid , tok imam ataupun AJK [Ahli Jawatankuasa] boleh kita buat tahnik untuk anak yang baru dilahirkan, itu kita galakkan walaupun dia buat kenduri Alhamdulillah [Syukur ke Hadrat Ilahi] tiada apa upah, itu hendak menggalakkan lagi masyarakat berhubung masjid.

MB : Apakah pesanan tuan kepada generasi baru yang akan menguruskan masjid ini?

HMZ : Saya harap generasi baru yang akan menguruskan masjid ini lebih cekap, Alhamdulillah [Syukur ke Hadrat Ilahi] kita AJK [Ahli Jawatankuasa] ini kita sentiasa memilih mereka yang muda sekali yang ada umpamanya salah seorang daripada *engineer* [jurutera] yang kelulusan luar negara letak jawatan dan balik

ke Machang ini dan sekarang ini berkhidmat dalam bahagian *IT (Information Technology)* yang mengendalikan kutbah, dia tenaga muda jadi dapat menggantikan AJK [Ahli Jawatankuasa] lama, macam saya mahu mati sudah (ketawa) jadi kita mengharap golongan muda ini yang akan mengambil alih tampuk pentadbiran masjid ini- imam kita muda dalam dua puluh lapan tahun, imam satu, imam dua umur tiga puluh empat tahun pastu imam tiga masih muda-muda dalam lingkungan 30-an.

MB : Apakah harapan tuan terhadap sambutan masyarakat di Machang terhadap masjid ini?

HMZ : Harapannya supaya masyarakat itu lebih lagi, berkorban apa sahaja yang diperlukan oleh masjid termasuk kewangan, buah fikiran, tenaga umpamanya gotong-royong maknanya kalau kita buat gotong-royong lebih ramai penyertaan dikalangan masyarakat. Kalau sekarang ini kita buat program kita menjamu dalam 2000 [dua ribu] orang jadi kalau kita harapkan lebih banyak lagi penyertaan.

MB : Apakah nasihat tuan terhadap masjid lain tentang pengurusan masjid?

HMZ : Saya berharap masjid lain boleh datang dan meniru apa yang dibuat oleh masjid ini dan kita pernah diarah oleh MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] bagi pendedahan kepada masjid seluruh Kelantan pernah dibuat di sini, macam minggu lepas kita buat kewangan kita buat pentadbiran apa yang kita ada di sini

kita cuba dedahkan kepada masjid lain dan kita menerima apa sahaja lawatan sambil belajar daripada dalam masjid-masjid dalam negeri ataupun luar negeri boleh dikatakan sepanjang tahun ada sahaja lawatan sambil belajar untuk mempelajari apa yang kita buat di Masjid Sultan Yahya Petra ini.

MB : Apakah nasihat tuan terhadap masjid yang masih tidak mendapat sambutan ramai?

HMZ : Kepada masjid yang tidak mendapat sambutan jemaah, supaya mereka memperbanyakkan program dan juga mengadakan dakwah memberi kesedaran kepada mereka penting menghidupkan imarah masjid ini, supaya masjid ini ada jemaah. Kalau kita lihat harini di kampung-kampung golongan yang mengimarahkan masjid adalah golongan tua, golongan muda tidak ntah (tidak tahu) ke mana. Jadi kita mengharapkan itulah supaya dia lebih- kerana golongan tua ini akan meninggal atau mati dan pusaka orang muda-muda yang akan mengambil alih sedangkan kita lihat harini golongan muda ini tidak ramai datang masjid jadi kita cuba memperbanyakkan program-program supaya masjid-masjid yang kurang jemaah itu buat program sasaran kepada golongan muda umpamanya kita pernah buat program masjid kita ini ke Masjid Kampung Pek, Machang, Kelantan supaya remaja di sana melibatkan diri dan kita juga pernah buat program ke Bachok, Kelantan dan sebagainya supaya menyedarkan masjid-masjid yang kurang mampu.

MB : Apakah yang tuan rasa perlu ada di masjid untuk menarik orang ramai untuk hadir ke masjid?

HMZ : AJK [Ahli jawatankuasa] maknanya perlu ada sentiasa di masjid ini, dan masjid kita Alhamdulillah [Syukur ke Hadrat Ilahi] maknanya boleh dikatakan sentiasa ada di masjid ini pertama, semasa sembahyang jemaah kerana ini boleh dilihat oleh ahli jemaah bahawa AJK [Ahli jawatankuasa] tidak datang masjid macam mana- jadi maknanya sebagai contoh sebagai ikutan kepada jemaah-jemaah iaitu perlu sangatlah AJK [Ahli jawatankuasa] ini berada sentiasa di masjid kerana selain daripada waktu sembahyang datang mereka musafir dan mereka yang menghadapi masalah dapat diberi pertolongan segera.

MB : Apakah nasihat kepada masyarakat supaya mereka hadir ke masjid?

HMZ : Nasihat kepada masyarakat supaya mereka hadir ke masjid ialah supaya mendapat ilmu pengetahuan dan di masjid ini kita sediakan kemudahan bidang-bidang umpamanya sebagai universiti terbuka kita dapat isytihar masjid ini sebagai universiti terbuka untuk masyarakat menimba ilmu dengan hadir dalam kuliah. Yang keduanya kita buka masjid ini untuk kelas-kelas Al-Quran kita ada kelas bahasa arab, kelas Al-Quran jadi sentiasa ada setiap minggu kita ada buka masjid untuk masyarakat, tetapi malangnya masyarakat ini ada yang Alhamdulillah [segala puji bagi Allah] datang tetapi tidak seperti mana kita harapkan lebih ramai masyarakat ini guna masjid ini untuk kemudahan dan menimba ilmu dan apa-apa sahaja perkara yang diperlukan masyarakat

umpamanya bantuan kewangan, bantuan barang keperluan asas dan kita sudah buka tabung kita panggil gerobak amanah jadi siapa dia boleh menyumbang untuk diagih kepada masyarakat umpamanya seperti beras, gula, kewangan ke masjid dan masjid akan berikan kepada siapa sahaja yang memerlukan kita baru tubuhkan kelmarin kita buat persiapan dan minggu depan kita akan lancarkan pada jemaah untuk mereka infak apa sahaja yang merka ingin infak beras, gula keperluan asas, kewangan, kain baju kita tidak mahu kerana semasa itu kain-kain yang sudah dipakai ___ yang lepas-lepas kebanyakan begitulah, dia bagi kain yang buruk untuk diberikan, kita sendiri tidak tergamak bagi kepada orang lain. Di samping itu juga, kita menyeru kepada masyarakat supaya memperbanyakkan dan memperdalamkan ilmu pengetahuan tentang agama ini kerana kita lihat harini [hari ini] telah berlaku umpamanya kematian ataupun memerlukan hal agama tidak ramai yang melibatkan diri umpamanya masjid tahlil atau datang mahu makan sahaja kita toksey [tidak mahu] kita mahu supaya ilmu pengetahuan agama ini kalau tidak menjadi seorang ustaz makna biar ada pengetahuan itu, pengetahuan asas agama terutama fardhu ain, supaya mereka dapat membentuk dan mengajar keluarga mereka nanti. Jadi pentingnya bapa ini memperdalamkan dan memperbanyakkan ilmu boleh dapat di masjid atau dimana-mana dengan harapan dia boleh mengembangkan agama itu kepada anak dia ataupun cucu dan sesiapa sahaja yang perlu kerana kalau kita lihat harini masyarakat dari segi agama ini semakin kurang dan semakin tipis dan tidak begitu ambil berat tentang agama ini sehinggakan berlaku berlaku perkara

yang tidak diingini macam penyalahgunaan dadah, pusat pemulihan akhlak, LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender) semua itu adalah berpunca daripada kekurangan ajaran agama iaitu benda yang boleh menyesatkan menyeleweng daripada agama dan yang kita bimbangnyanya apabila manusia ini lari daripada agama maka tuhan akan kata "Aku akan turun bala" bila manusia tidak endah pada agama, tidak kisah dengan agama maka tuhan akan turun bala sebagai mana kita tengok contoh yang berlaku di pulau Indonesia yang berlaku baru ini, Sulawesi gempa bumi yang saya tengok pun sedih, dia datang ombak di naik selepas itu bumi itu bergulung dan saya pergi ke Aceh lepas tsunami itu kita rombongan pergi ke Aceh. Saya tanyalah masyarakat di situ sebab berlakunya, suatu petang itu tentera-tentera Indonesia daripada Pulau Jawa pergi ke Aceh dan mendarat di pantai Aceh malam itu buat pesta minum arak, pesta semua sekali sehinggakan ada alim ulama pergi melarang jangan buat, tetapi tidak mendengar juga apabila tidak mendengar alik ini [sebelah ini] lari, apabila berlari itu marilah ombak yang setinggi lapan kaki naik dan kelajuan dia empat puluh meter, habis semua sekali jadi padang jarak padang tekukur masa saya melawat itu dan maknanya kapal di laut itu datang di bawa ombak mendarat atas rumah atas bangunan. Sa (satu) itu lebih kurang lima kilometer kapal besar di bawa ke daratan sehingga ____ kalau saudara pergi dapat melihatnya kesan-kesan itu dan begitu juga kita tengok di Pulau Sulawesi ini sebab mereka mengadakan pesta pujaan pantai dengan menombak binatang kerbau lembu dipuja pantai, sudah dilarang oleh ahli alim ulama tetapi tidak mendengar itulah akibatnya.

Kita bimbang juga kalau di Malaysia ini kalau manusia ini tidak mendalami agama atau meninggal apa-apa yang disuruh oleh Allah S.W.T. dan Nabi Muhammad S.A.W. maka akan turun bala lah. Bala ini bukan sahaja menimpa pada orang yang tertentu sahaja tetapi semua sekali, kalau banjir semua sekali kena banjir bukan sahaja banjir setempat dia akan meliputi semua orang baik dan tidak baik semua akan kena belaka. Sebab itulah kita perlu ingat mengingati sebagai mana Surah Al-Asr:103 (membaca ayat Al-Quran) maknanya saling ingat mengingati dan saling tegur menegur dan saling melakukan perkara-perkara yang baik untuk kehidupan masyarakat.

MB : Apakah yang harus di lakukan oleh pihak masjid bagi mengurangkan gejala sosial terhadap golongan muda pada masa kini?

HMZ : Untuk golongan masjid ini hanya boleh menarik mereka ke masjid dan membuat program-program iaitu memperbanyakkan kefahaman tentang agama apabila mereka faham agama mereka ada dalam dada mereka tidak terjebaklah dengan masalah-masalah sosial. Masalahnya sekarang ini yang ramai yang muda-muda yang terjebak masalah sosial in kerana mereka tidak mendapat didikan agama yang secukupnya, sekadar dapat didikan agama di sekolah sampai peringkat menengah ataupun tidak mencukupi kerana banyak lagi bidang-bidang yang perlu di semai perlu diberi kesedaran bidang muamalat, bidang fekah, falsafah dan banyak lagi bidang-bidang agama yang perlu dipelajari perlu didedahkan kepada belia-belia kita supaya mereka ini tahu selok belok agama dan tahu

perkara-perkara yang halal dan juga haram dalam hidup mereka ini, sebab itulah kadang-kadang bila mereka tidak tahu halal haram itu berlakulah perbuatan minum arak, berjudi, berpelesenan LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender) semua itu tidak lain tidak bukan mereka yang tidak ada asas agama yang kukuh maka terjadilah perkara-perkara demikian termasuk juga sekarang ini--- ajaran sesat yang berlaku di kalangan masyarakat berpunca daripada didikan agama sehinggakan ada mengaku jadi tuhan macam Ayah Pin mengaku dirinya tuhan, dialah tuhan dapat naik ke langit semua itu adalah ajaran sesat. Kalau boleh kita nak bendung lah perkara-perkara seperti itu tidak berlaku di kalangan masyarakat kita ini.

MB : Pada pendapat tuan apakah definisi masjid yang cemerlang?

HMZ : Masjid yang cemerlang ini ialah masjid yang dapat memenuhi tuntutan sebagaimana masjid yang di kehendaki Rasullulah S.A.W iaitu bukan sahaja tempat beramal ibadat malah masjid ini sebagai pusat untuk menimba ilmu, pusat perpaduan di kalangan jemaah, pusat untuk kegiatan-kegiatan yang boleh membawa kebaikan kepada masyarakat. Itulah harapannya supaya masjid kita ini maknanya dengan mengadakan banyak program imarah terutamanya masjid ini kita ada satu pengimarahannya ini cukup di sini yang kita buat ini boleh dikatakan memenuhi tuntutan sebagai mana yang dikehendaki oleh Rasullulah S.A.W. Untuk peringkat remaja, dewasa, kanak-kanak meliputi semua bidang, kursus-kursus, bidang pengajian Al-Quran, tafsir Al-Quran, memahami ayat-

ayat Al-Quran itulah kena memperbanyakkan benda-benda seperti ini supaya masyarakat ini maknanya mendapat pengetahuan dan dengan itu mereka tidaklah tersesat daripada ajaran Islam yang sebenarnya.

MB : Pada pendapat tuan, apakah aktiviti yang perlu dilakukan di masjid untuk menarik orang ramai untuk hadir ke masjid?

HMZ : Aktiviti yang paling penting ialah sembahyang jemaah, aktiviti pengisian ilmu sangat penting kerana tanpa ilmu kita tersesatlah jalan, ilmu agama khususnya jadi memperbanyakkan program-program ini di samping kita menyediakan daya penarik mereka iaitu umpamanya apabila ada program ada makan, maksudnya kalau ada makan dia datanglah, itu biasalah dimana-mana dapat sambutan makan percuma kita di masjid ini kita buat macam itulah kalau ada program kita sedia makan, minum untuk jemaah sampai kadang-kadang kita sedia sampai untuk 3000 [tiga ribu] jemaah, 2000 [dua ribu] jemaah pada program umpamanya seperti dikatakan Maulidur Rasul, Sambutan Hari Asyura maknanya kita beri makan. Pihak berkuasa masjid perlu memikirkan kemudahan-kemudahan yang lebih banyak untuk masyarakat umpamanya selesa untuk datang sembahyang, tempat ambil wudhuk selesa suasana masjid yang tenteram, damai banyak infak-infak yang boleh dapat di masjid maknanya dari segi keilmuan ataupun apa-apa sahaja perkara-perkara kebaikan yang diperlukan oleh masyarakat umpamanya seperti bantuan-bantuan- selain daripada itu ialah yang saya tekankan ialah memberi kesedaran terutama muda-

mudi ini dengan beri kursus, pendedahan, pengajaran kepada mereka dan termasuklah juga kalau baru ini adakan setiap hari terima zakat kita bagi ceramah kesedaran kepada asnaf lapan. Sebelum ini kita ada sebulan sekali lebih kurang 300 [tiga ratus] orang anak asnaf yang terima zakat di masjid ini. Jadi sebelum program itu bermula kita isi dengan keilmuan, saya salah seorang daripada yang ambil bahagian untuk mengisi program keilmuan kepada orang-orang asnaf lapan yang miskin kenapa dia miskin, apa yang perlu buat untuk menambah peningkatan pendapatan hasil zakat yang diberi bantuan itu, umpamanya mereka boleh membuat perniagaan kecil-kecil di rumah, mereka boleh memelihara binatang ternakan seperti ayam untuk keperluan, mereka boleh membuat pertanian kecil-kecilan untuk menurangkan kos pembelian umpama tanam sayur secara kecil-kecilan untuk keperluan mereka dan di samping itu juga kita beri tazkirah supaya mempertingkatkan amalan kerana kita ini sebagai mana tuhan kata "Setiap yang hidup akan mati" dan kita apabila mati itu kita akan ke akhirat dengan membawa bekalan, bekalan inilah yang kita perbanyakkan kerana kita ambil harini kita hendak pergi ke haji atau umrah kita bekal dengan duit dan pakaian sedangkan di akhirat ini jauh lagi masa tidak kiralah sejak Nabi Adam dulu sehingga sekarang ini tidak kiamat berapa ratus tahun sudah orang yang mati dulu maknanya kalau tidak ada bekalan apa akan jadi pada mereka jadi bekalan amal ibadat inilah yang boleh menolong kita terhindar daripada bencana iaitu azab di akhirat, azab neraka dan kubur kerana setiap kita tidak terlepas daripada kematian setiap orang akan mati dan apabila

mati itu kita akan tuju dua samada ke syurga ataupun ke neraka tuhan kata dah [sudah] "buat baik akan dibalas baik, buat jahat akan dibalas jahat" jadi kalau tidak ada amalan, amalan kita yang menjadi peringkat kepada kita untuk menghindarkan diri kita ini daripada terkena azab. Azab ini banyak azab dekat mahu mati, dan kalau mati ini kalau kita pernah tengok orang mati ini pelbagai-bagai perkara yang berlaku dengan menggeleparnya kita dapat tengok saya berpengalaman lihat orang mahu mati ini, macam tidak boleh duduk diam sakit dengan meraung dan sebagainya itu kita dapat petanda kalau kita mati itu susah biasanya dia itu di azablah tapi biasanya begitu dan kalau bila mati dengan cara yang mudah Alhamdulillah [Syukur Ke Hadrat Ilahi] umpamanya mati ketika sembahyang, contohnya di masjid kita ini saya pernah mengaji dengan arwah tok bilal Abdullah dia pernah bercakap kepada saya kalau kita biasa baca Al-Quran kita mati tengah baca Al-Quran. Dia dalam musabaqoh Al-Quran dia sebagai hakim di masjid inilah selepas musabaqoh itu orang menjemput dia memperdengarkan Al-Quran, tengah membaca Al-Quran dia mati ketika itu Alhamdulillah [Syukur Ke Hadrat Ilahi], itu bilal kita disini. Maknanya kita galakkan supaya masyarakat membawa bekal beramal, bekal untuk minta hidup di akhirat esok, bukan kita mati begitu sahaja. Maka kita akan hidup balik di akhirat esok tidak tahu berapa puluh tahun. Kalau kita tengok datuk-datuk nenek kita yang mati berpuluh tahun sampai sekarang ini tidak kiamat lagi apatah kita yang akan mengalami keadaan yang sama dan kalau kita dengar musibah di Padang Mahsyar cukup dahsyat. Di Padang Mahsyar ini pelbagai gambaran ada

manusia yang tenggelam dalam air liur sampai tahap ini (sambil menunjuk reaksi muka), ada yang berjalan di kepala, ada yang mengesot, ada yang matahari sejengkal atas kepala pelbagai gambaran yang diceritakan di dalam Al-Quran tentang azab yang ditimpa pada mereka yang tidak cukup amalan. Jadi kalau kita amalan yang baik maka amalan kita itulah yang menjadi *backup* [sokongan] kita berada dalam kesejahteraan di Padang Mahsyar beratus tahun, beribu tahun di situ untuk sampai kepada pengadilan dan setiap amalan yang kita buat di dunia ini telah di catat amalan kita ini oleh Raqib dan Atiq di kiri kanan kita ini ada pencatat sebelah kanan malaikat yang mencatat benda yang baik yang sebelah kiri akan catat benda yang buruk kita terlepas walaupun apa sahaja zarah "Apabila kamu membuat kebaikan, walaupun sebesar zarah tuhan akan balas, dan kalau kamu membuat kejahatan akan terima balasan" [Surah Al-Zalzalah ayat ke enam dan tujuh] yang ini kita takut dan memang malaikat ini tidak tidur 24 [dua puluh] jam dia tidak tidur tetapi kita tidur, dia akan catat apa sahaja yang kita buat walaupun besar atau kecil akan dibalas di akhirat esok dan manusia ini kalau dia buat amalan baik esok dia akan terima dengan tangan kanan. kalau buat amalan jahat dia akan terima dengan tangan kiri di situlah tanda terima dengan tangan kanan itu Alhamdulillah [Syukur ke Hadrat Ilahi] makna manusia ini masuk syurga kalau diterima dengan tangan kiri maka dia akan dihumban ke neraka itu yang kita takutnya. Syurga ini adalah tempat yang sebaik-baik dijanjikan Allah apa yang kita mahukan disitu semua dengan kemewahannya pelbagai kemudahan pelbagai benda yang di dunia ini kita boleh

buat disana juga kita boleh buat umpamanya kita tidak boleh minum arak, di syurga boleh diminum. Di dunia ini kita dilarang melakukan perkara jahat di sana tiada dah [sudah], nak [hendak] makan apa boleh, nak [hendak] minum apa juga boleh di akhirat tetapi kalau gambaran dalam syurga kalau saudara membaca azab dari neraka Allahuakabar [Allah Maha Besar] mereka duduk di neraka dengan penunggunya dengan panasnya dan makan ialah daripada pokok zakur yang berduri, minum air nanah, air panas apabila minum hancur tubuh dan tumbuh balik dan tidak mati itu yang kita takut. Sebab itulah saya menyeru kepada semua supaya banyak beramal ibadat untuk bekalan di hari akhirat esok supaya kita terlepas daripada azab neraka. Dalam juga kita sudah di azab apabila masuk sahaja kita ditaman di dalam kubur kalau orang baik tidak ada azab himpitan kubur, himpitan kubur ini dia rapatkan selisih tulang rusuk kita ini, tapi kalau orang beramal ibadat maka ibadat ini lah yang akan merenggangkan kubur itu luas tidak ada masalah. Semasa mati itu sudah dapat tanda-tanda biasanya kalau mati dengan cara baik dia keadaan tenang, keadaan tenteram tapi kalau mati itu susah dalam keadaan menggelepar iaitu tanda-tanda yang tidak baiklah itulah harapan kita supaya kita memperbanyakkan ibadat ini terutama untuk menghadapi Sakaratulmaut [Ajial], kerana mati ini tidak boleh lari cuma tunggu masa, yang tua juga mati dan yang muda mati, yang baru beranak mati. Kita beringatlah supaya kita berwaspada supaya tidak terlanjur dengan melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah S.W.T. In sha Allah [Dengan Izin Allah].

TAMAT SEKSYEN I

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Muhamad Badrul Amin Bin Che Husin dan Muhammad Fahmi Bin Mohd Adzmi menemubual Tuan Haji Md Zain Bin Haji Saleh, yang dilahirkan pada 21 Febuari 1949, di Kelantan. Temubual dijalankan di Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
SEKSYEN A: LATAR BELAKANG TOKOH		
1.00	Bercakap tentang nama penuh beliau	Haji Md Zain Bin Haji Salleh
1.11	Bercakap tentang nama panggilan beliau	1. Haji Md Zain 2. Cikgu Zain
2.00	Bercakap tentang tempat kelahiran dan tarikh beliau dilahirkan	1. Kota Bharu 2. Kelantan 3. 21 Febuari 1949
2.40	Bercakap tentang nama ibu beliau	Siti Aminah Binti Drahman
2.46	Bercakap tentang nama bapa beliau	Haji Salleh Bin Haji Ibrahim

2.52	Bercakap tentang jumlah adik-beradik beliau dan anak ke-berapa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lapan orang 2. Anak keenam
SEKSYEN B: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH		
3.07	Menerangkan sejarah pendidikan beliau	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sekolah Rendah Kebangsaan Mentuan, Kota Bharu, Kelantan 2. Sekolah Menengah Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan 3. Maktab Kadir Adabi, Kota Bharu, Kelantan 4. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
SEKSYEN C: KERJAYA TERKINI TOKOH		
6.57	Menceritakan tentang kerjaya terkini beliau	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pencen 2. Setiausaha masjid
9.51	Menceritakan perasaan gembira beliau berkhidmat untuk masjid	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sumbangan dan amal jariah 2. Ganjaran yang baik 3. Berkhidmat tanpa bayaran

11.13	Menceritakan berapa lama beliau telah berkhidmat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru 2. Setiausaha masjid
11.28	Menceritakan bagaimana beliau mendapat jawatan setiausaha	Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)
12.06	Menceritakan idola beliau	Tok Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat
SEKSYEN D: SEJARAH BANGUNAN		
13.39	Menerangkan mengapa masjid ditubuhkan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Masjid Sultan Yahya Petra 2. Besut 3. Ustaz Muhamad Zain 4. Majlis Fatwa Kerajaan Terengganu 5. Sultan Yahya Petra 6. Binaan kayu 7. Masjid Kayu 8. Bandar Lama Machang 9. Jalan Tanah Merah

16.20	Menceritakan mengapa masjid dipanggil masjid kepala jajahan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Empat puluh tiga masjid mukim 2. Ketua jajahan
18.30	Bercakap mengenai perletakan batu asas tapak masjid	<ol style="list-style-type: none"> 1. Yang Berhormat Tun Abdul Razak Bin Hussien 2. Timbalan Perdana Menteri Malaysia 3. Menteri Pembangunan Luar Bandar
19.49	Bercakap tentang mengapa berlaku perpindahan lokasi masjid	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pusat pentadbiran jajahan 2. Pusat bandar
20.38	Bercakap tentang nama masjid sebelum ini	Masjid Pagar Canggung
20.52	Menceritakan tentang pengasas pertama masjid	Haji Wan Nik Bin Wan Ismail
21.40	Menceritakan tentang idea penubuhan dan yang merasmikan masjid	1. Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)

		2. Di Bawah Duli Sultan Kelantan, Sultan Yahya Petra
23.30	Menceritakan tentang kos penubuhan masjid	1. RM3 Juta 2. RM4 Juta
24.22	Menceritakan tentang objektif masjid	1. Mendirikan sembahyang jemaah 2. Tempat untuk berkumpul 3. Menunaikan fardhu islam
29.21	Memberitahu visi dan misi masjid	1. Memasjidkan masyarakat 2. Memasyarakatkan masjid
31.13	Menceritakan tentang masa yang diambil untuk menyiapkan masjid	Setahun
31.25	Menceritakan tentang masalah ketika penubuhan masjid	1. Masalah kewangan 2. Bayar api, air

31.56	Menceritakan tentang kaitan Sultan Yahya Petra dengan masjid selain merasmikannya	<ol style="list-style-type: none"> 1. Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Kelantan 2. Agong 3. MAIK 4. Ke Bawah Duli
SEKSYEN E: MAKLUMAT LAIN MENGENAI BANGUNAN		
33.20	Bercakap mengenai keluasan masjid	<ol style="list-style-type: none"> 1. 270 kaki persegi 2. 174 kaki lebar 3. 2300 jemaah 4. khutub khanah 5. tandas 6. pejabat 7. kaunter zakat
34.47	Menceritakan kos pembayaran bulanan masjid	<ol style="list-style-type: none"> 1. RM6000 elektrik 2. RM3000 air 3. RM950 gaji kakitangan 4. Imam 5. Bilal 6. Siak 7. Tukang Kebun
37.05	Menerangkan tentang ahli jawatan tertinggi di masjid	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ketua jajahan 2. Ahli Jawatankuasa induk 3. Polis

		<ul style="list-style-type: none"> 4. JKR 5. JPP 6. bomba 7. Majlis Perbandaran 8. wakil masjid
41.27	Menceritakan perkhidmatan lain yang terdapat di masjid	<ul style="list-style-type: none"> 1. Kursus pengendalian mayat 2. Kelas Al-Quran 3. Kelas fardhu ain 4. Koperasi masjid 5. Khairat kematian 6. Pusat pembangunan kemajuan islam 7. Hari Maulidur Rasul 8. Hari Asyura 9. UiTM 10. Jalan Tanah Merah
48.25	Menceritakan kerosakan yang pernah dialami di masjid	<ul style="list-style-type: none"> 1. Tahun 2014 2. Kuala Lumpur 3. Pulau Pinang
49.32	Menerangkan langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ketika berlaku bencana	<ul style="list-style-type: none"> 1. Jabatan-jabatan kerajaan 2. Ahli Jawatankuasa induk 3. Masyarakat

52.08	Menceritakan kelengkapan masjid	<ol style="list-style-type: none"> 1. CCTV 2. RM280,000 3. PA system
SEKSYEN F: REKA BENTUK BANGUNAN		
53.42	Menceritakan konsep masjid	<ol style="list-style-type: none"> 1. MAIK 2. Timbalan Perdana Menteri 3. 2.6 juta 4. Barisan Nasional 5. Pakatan Harapan
55.52	Menerangkan reka bentuk masjid	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mekah 2. Madinah
SEKSYEN G: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN		
58.01	Menceritakan tentang aktiviti yang wajib dan selalu diadakan di masjid	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hari Kebesaran Islam 2. Maulidur Rasul 3. Majlis asyura 4. Ramadhan 5. Medan 6. Aceh 7. Jogjakarta 8. Singapura 9. Malaysia 10. Masjid Shah Alam

		<ul style="list-style-type: none"> 11. Masjid Jalan Puchong 12. Machang 13. Brunei
60.05	Bercakap tentang jumlah sumbangan yang masjid dapat dalam masa sebulan dan ke mana hasil tersebut	<ul style="list-style-type: none"> 1. 5000 2. 6000 3. Pentadbiran masjid
67.01	Menerangkan bantuan dari masjid untuk pelajar	<ul style="list-style-type: none"> 1. Machang 2. Kota Bharu 3. Pasir Puteh 4. Asnaf lapan
67.41	Menceritakan sumbangan masjid kepada masyarakat, negeri dan negara	<ul style="list-style-type: none"> 1. Machang 2. Kelantan 4. MAIK 5. Pegawai-pegawai agama 6. Jabatan Agama Islam Kelantan 7. Kuala Lumpur
SEKSYEN H: MAKLUMAT PENGANUGERAHAN DAN KERJAYA		
71.29	Penerimaan masyarakat terhadap masjid selepas dianugerahkan masjid terbaik.	<ul style="list-style-type: none"> 1. Tenaga 2. Buah pemikiran

		<ul style="list-style-type: none"> 3. Wang ringgit 4. RM100,000 5. Ahli Jemaah
72.31	Anugerah yang diterima oleh masjid	<ul style="list-style-type: none"> 1. JAKIM 2. Wang ringgit 3. Kitab-kitab dan buku agama
74.05	Liputan Media Massa	<ul style="list-style-type: none"> 1. TV3 2. TV Al-Hijrah 3. USM
75.36	Pertandingan-pertandingan yang dianjurkan	<ul style="list-style-type: none"> 1. JAKIM 2. Peringkat Negeri 3. Peringkat Negara 4. Peringkat Antarabangsa 5. Rusia 6. Turki
SEKSYEN I: PESANAN DAN HARAPAN		
77.16	Bercakap tentang harapan masjid kepada masyarakat, negeri dan negara	<ul style="list-style-type: none"> 1. Machang 2. Muslim 3. JPAM 4. UiTM 5. MAIK

		6. Ahli jawatankuasa masjid 7. Kelantan 8. Masjid Sultan Yahya Petra 9. 2.6 juta 10. RM100 11. Ustaz Abdullah Fahami 12. Imam Muda
89.03	Bercerita tentang harapan pengurusan masjid di masa akan datang	1. Kompleks tahfiz 2. Tempat parking
98.00	Bercakap tentang pesanan kepada orang awam, generasi baru dan masyarakat	1. Masjid 2. Kelantan 3. Jurutera 4. Ahli Jawatankuasa 5. Machang
95.50	Bercakap tentang nasihat kepada masjid lain dan masyarakat	1. MAIK 2. Kelantan 3. Masjid Sultan Yahya Petra 4. Masjid Kampung Pek 5. Bachok 6. Indonesia 7. Aceh

		8. Pulau Jawa 9. Pulau Sulawesi 10. Malaysia 11. Allah 12. Nabi Muhammad S.A.W 13. Surah Al-Asr:103 14. Ayah Pin
107.23	Menceritakan tentang pendapat tentang definisi masjid yang cemerlang dan tarikan untuk orang ke masjid	1. Rasullulah S.A.W 2. 3000 jemaah 3. Maulidur Rasul 4. Sambutan Hari Asyura 5. Asnaf lapan 6. Padang Mahsyar 7. Al-Quran 8. Raqib dan Atiq 9. Surah Al-Zalzalalah 10. Allah S.W.T.

SENARAI SOALAN

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Boleh saya tahu nama penuh tuan?
2. Adakah tuan mempunyai nama gelaran? Jika ada apakah nama tersebut?
3. Di manakah tempat tuan dilahirkan?
4. Pada bulan berapa tuan dilahirkan?
5. Di manakah tuan dibesarkan?
6. Di manakah tuan menetap sekarang?
7. Apakah nama ibu tuan?
8. Apa pula nama bapa tuan?
9. Berapakah bilangan adik-beradik tuan?
10. Tuan anak ke berapa?

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

11. Dimanakah tuan bersekolah rendah dulu?
12. Pada tahun berapakah tuan tamat sekolah rendah?
13. Dimanakah tuan bersekolah menengah?

BAHAGIAN C: KERJAYA TERKINI TOKOH

14. Apakah pekerjaan tuan pada masa kini?
15. Dimanakah tuan bekerja sekarang?
16. Kiranya sampai ke malamlah duduk masjid?
17. Adakah tuan berasa gembira berada di masjid ini?
18. Bagaimanakah tuan boleh terlibat dengan Masjid Sultan Yahya Petra?
19. Berapa lamakah tuan sudah berkhidmat di tempat kerja tuan?
20. Bagaimanakah tuan boleh mendapat jawatan setiausaha?
21. Siapakah idola tuan?
22. Jadi tuan ada kaitan apa-apa dengan Tok Guru Nik Aziz?

BAHAGIAN D: SEJARAH BANGUNAN

23. Mengapakah masjid ini ditubuhkan?
24. Di manakah lokasi sebenar masjid ini?

25. Apakah yang dimaksudkan dengan masjid kepala jajahan?
26. Siapakah yang memberi gelaran tersebut?
27. Mengapakah zaman dulu masjid ini dikenali sebagai masjid kayu?
28. Siapakah yang menyempurnakan peletakan batu asas bagi tapak masjid baru?
29. Pada tahun berapakah masjid ini berpindah lokasi?
30. Berapakah keluasan tapak masjid baru setelah berpindah lokasi?
31. Mengapakah berlaku perpindahan lokasi masjid?
32. Apa jadi dengan masjid lama yang dekat sana?
33. Ada nama masjid yang sebelum ini?
34. Siapakah pengasas pertama bangunan masjid ini?
35. Siapakah yang menjadi imam di masjid ini setelah berlaku pertukaran lokasi?
36. Siapa yang memberi idea untuk penubuhan masjid ini?
37. Siapakah yang merasmikan masjid ini?
38. Bilakah bangunan ini dirasmikan?
39. Bagi nama masjid iaitu Masjid Sultan Yahya Petra, kenapakah nama tersebut dipilih?
40. Mengapa nama Sultan Yahya Petra dipilih sebagai nama masjid?
41. Berapakah kos penubuhan masjid ini?
42. Apakah objektif awal penubuhan masjid ini?
43. Adakah objektif masjid ini berubah setelah bangunan baru ini ada?
44. Adakah terdapat kos pembayaran yuran untuk setiap aktiviti yang dijalankan?
45. Apakah misi dan visi untuk dicapai oleh masjid ini?
46. Apakah kawasan sebenar di sini sebelum masjid ini ditubuhkan?
47. Adakah terdapat bangunan lain selain daripada masjid ini ketika ditubuhkan?
48. Mengapakah kawasan ini dipilih?
49. Berapakah masa yang diambil untuk menyiapkan masjid ini?
50. Adakah terdapat masalah yang dihadapi ketika menubuhkan masjid ini?
51. Apakah kaitan Sultan Yahya Petra dengan masjid ini selain merasmikannya?

BAHAGIAN E: MAKLUMAT LAIN MENGENAI BANGUNAN

52. Berapakah bilangan kubah di masjid ini?
53. Berapakah keluasan ruangan dalaman masjid ini?

54. Berapakah bilangan bilik yang terdapat dalam masjid ini? Sila nyatakan.
55. Berapakah kos pembayaran elektrik masjid untuk setiap bulan?
56. Berapakah kos pembayaran air masjid ini setiap bulan?
57. Adakah terdapat kos-kos yang lain? Jika ada, sila nyatakan.
58. Bolehkah tuan haji nyatakan apakah jenis pekerjaan yang di masjid ini yang dibayar oleh MAIK?
59. Siapakah ahli jawatan tertinggi di masjid ini?
60. Mengapakah beliau dilantik sebagai ahli jawatankuasa tertinggi?
61. berapa ramai petugas yang bertugas mengendalikan masjid ini?
62. adakah setiap orang yang bertugas memiliki tugas yang berlainan?
63. Adakah terdapat pertukaran imam pada setiap waktu solat setiap hari?
64. Selain menjadi pusat ibadat, adakah terdapat perkhidmatan lain yang terdapat di masjid ini?
65. Adakah terdapat fasiliti dan bangunan lain yang terdapat di masjid?
66. Adakah masjid ini dimiliki penuh oleh kerajaan negeri atau kepunyaan persendirian?
67. Berapakah jumlah Jemaah yang boleh dimuatkan dalam masjid ini pada satu masa?
68. Berapa ramai anggaran Jemaah yang datang ke masjid pada setiap waktu solat?
69. Pada waktu solat manakah bilangan jemaah datang ke masjid paling ramai?
70. Pernahkah ada sesiapa mempersoalkan tentang kewujudan masjid ini? Ini kerana kebanyakan orang tidak tahu sejarah masjid ini.
71. Pernahkah masjid ini mengalami kerosakan yang teruk ketika bencana alam berlaku?
72. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ketika bencana alam berlaku?
73. Siapakah yang menguruskan masjid jika berlaku bencana?
74. Pernahkah masjid ini mengalami kerugian yang teruk akibat daripada bencana alam atau lain-lain faktor yang berkaitan?
75. Bagaimanakah pihak masjid menguruskan petugas-petugas di masjid ini bagi menjalankan kerja dengan teratur?
76. Pernahkan masjid ini dipecah masuk oleh pihak tidak bertanggungjawab seperti pencuri?

77. Pernahkah berlaku kes penggelapan wang atau pecah amanah oleh ahli jawatankuasa masjid ini sendiri?
78. Pernahkah masjid ini berlaku pengubahsuaian atau penambahan bagi ruang solat?
79. Apakah ciri-ciri keselamatan yang digunakan dalam masjid ini?
80. Adakah masjid ini mempunyai kelengkapan yang cukup bagi memastikan keselesaan jemaah?

BAHAGIAN F: REKA BENTUK BANGUNAN

81. Adakah konsep masjid ini telah di ubahsuai?
82. Adakah masjid ini dibina berasaskan batu sahaja?
83. Apakah reka bentuk yang digunakan oleh bangunan masjid ini pada awal penubuhan?
84. Adakah masjid ini mempunyai rekaan tersendiri?
85. Apakah keistimewaan yang terdapat pada masjid ini?
86. Mengapakah ia menjadi keistimewaan di masjid ini?

BAHAGIAN G: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN

87. Apakah aktiviti yang selalu diadakan di masjid ini?
88. Apakah aktiviti wajib yang dilakukan di masjid ini pada setiap tahun?
89. Berapakah jumlah sumbangan wang yang paling banyak yang pernah diterima oleh masjid dalam masa sebulan?
90. Kemanakah hasil wang kutipan sumbangan atau derma disalurkan?
91. Adakah pelajar yang dipilih untuk mendapat bantuan dari masjid ini adalah terdiri daripada golongan dan kalangan orang Machang?
92. Apakah sumbangan masjid ini kepada masyarakat di Machang?
93. Apakah sumbangan masjid ini kepada negeri Kelantan?
94. Apakah sumbangan masjid ini kepada negara?

BAHAGIAN H: MAKLUMAT PENGANUGERAHAN DAN KERJAYA

95. Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap masjid ini?

96. Berapa banyak anugerah yang telah diterima oleh masjid ini dan apa anugerah tersebut?
97. Adakah masjid ini pernah mendapat liputan Media Massa?
98. Apakah liputan media Massa yang pernah diadakan di masjid ini?
99. Mengapakah masjid ini mendapat liputan media Massa?
100. Pernahkan masjid ini menyertai apa-apa pertandingan yang dianjurkan diperingkat kebangsaan atau antarabangsa, bolehkah Tuan Haji ceritakan?

BAHAGIAN I: PESANAN DAN HARAPAN

101. Apakah harapan tuan terhadap masjid ini kepada masyarakat di Machang?
102. Apakah harapan tuan terhadap masjid ini kepada negeri Kelantan?
103. Apakah harapan tuan terhadap masjid ini kepada negara pada masa akan datang?
104. Adakah tuan berharap agar masjid ini akan dikenali sebagai salah satu ikon dalam kalangan masyarakat?
105. Apakah tuan berharap agar masjid ini mendapat pengiktirafan yang lebih banyak lagi pada masa akan datang?
106. Adakah tuan berharap agar pengurusan masjid ini akan terus dipertingkatkan?
107. Apakah penambahbaikan yang lain tuan harap dipertingkatkan di masjid ini?
108. Apakah pesanan tuan kepada orang awam tentang kepentingan masjid ini?
109. Apakah pesanan tuan kepada generasi baru yang akan menguruskan masjid ini?
110. Apakah harapan tuan terhadap sambutan masyarakat di Machang terhadap masjid ini?
111. Apakah nasihat tuan terhadap masjid lain tentang pengurusan masjid?
112. Apakah nasihat tuan terhadap masjid yang masih tidak mendapat sambutan ramai?
113. Apakah yang tuan rasa perlu ada di masjid untuk menarik orang ramai untuk hadir ke masjid?
114. Apakah nasihat kepada masyarakat supaya mereka hadir ke masjid?
115. Apakah yang harus di lakukan oleh pihak masjid bagi mengurangkan gejala sosial terhadap golongan muda pada masa kini?
116. Pada pendapat tuan apakah definisi masjid yang cemerlang?
117. Pada pendapat tuan, apakah aktiviti yang perlu dilakukan di masjid untuk menarik orang ramai untuk hadir ke masjid?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan HAJI MD ZAIN BIN SALEH Pada 31 OKTOBER 2018

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:**
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (Tokoh)

.....
Ketua usat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti
Sains Pentadbiran dan Pengajian
Polisi & Fakulti Undang-Undang
UiTM Cawangan Kelantan
Kampus Machang

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Haji Md Zain Bin Haji Salleh bersama Muhamad Badrul Amin Bin Che Husin dan Muhammad Fahmi Bin Mohd Adzmi

LAMPIRAN 2



Gambar 2: Tempat agihan bantuan banjir

LAMPIRAN 3



Gambar 3: Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan

INDEKS

INDEKS

A

Acheh 58

Al-Quran 18, 19, 26, 30, 38, 39, 42, 43, 45, 48, 50, 56, 59, 60, 61, 63, 64

Anak 3, 8, 10, 28, 38, 41, 50, 53, 57, 62

B

Bantuan 10, 27, 30, 40, 41, 43, 47, 48, 49, 57, 61, 62

Bilal 22, 24, 25, 26, 63

Buku 15, 16, 43, 48

C

Catat 42, 64

D

District Officer 13, 25, 42

E

Elektrik 23

F

Fardhu 11, 17, 18, 26, 37, 38, 57

G

Gaji 4, 5, 17, 18, 19, 23, 40, 50, 60, 63

Ganjaran 8

Guru 5, 6, 7, 8, 9, 10, 24, 31, 41, 44, 46, 51, 53, 54

H

Haji 1, 2, 3, 10, 15, 24, 38, 45, 62

J

Jajahan 2, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 20, 24, 25, 42, 46, 52

JPP 24

Jogjakarta 37

K

Kanak-kanak 60

Kayu 12, 13, 34

Kuala Lumpur 4, 5, 29, 30, 33, 42

M

Menteri 13, 14, 34

Mekah 35, 38, 51

Madinah 29, 35

N

Neraka 62, 63, 64, 65

Negeri 28, 37, 39, 40, 41, 42, 45, 48, 49, 51, 55

P

Polis 5, 24, 30

Pulau 30, 58

Pusat 14, 19, 20, 26, 30, 37, 40, 42, 47, 58, 60

R

Rasul 17, 27, 37, 60, 61

Ramadhan 37, 39

S

Setiausaha 6, 9

Siak 23, 24, 25, 31

Sumbangan 8, 10, 40, 41, 42, 46, 49

Syurga 63, 64, 65

T

Tandas 22, 26, 27, 34, 49

Turki 45

TV3 43, 44, 50

TV Al-Hijrah 43, 44, 50

U

Universiti 4, 10, 27, 40, 43, 46, 47, 56

UiTM 1, 27,46, 47

UKM 4

W

Wakil 24, 25, 42, 45

Y

Yatim 41

Z

Zakat 16, 22, 28, 32, 41, 62